AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

**MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان**

**DARIPADA Abi Hurairah Radiallahuanhu berkata, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Maksudnya : Jangan marah, kemudian dia berlalu pergi dan kembali semula serta bertanya hal yang sama. Lantas, Baginda bersabda : Jangan marah". - Al-Bukhari : 6116.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.44 | SUBUH 4.54 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.41 | ZUHUR 12.14 | ASAR 3.35 | MAGHRIB 6.08 | ISYAK 7.23 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 148 | 9 DISEMBER 2024 / 1446 جمادي الأخير 7 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# DIALOG MANAMA : MEMPERKUKUH DIPLOMASI PERTAHANAN, TINGKATKAN KERJASAMA KESELAMATAN

**Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan**

**MANAMA,** Sabtu, 7 Disember. – Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof mengetuai delegasi dari Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam ke Dialog Manama Kali Ke-20 di Kerajaan Bahrain, yang berlangsung dari 6 hingga 8 Disember 2024. Turut serta dalam rombongan delegasi ialah Kuasa Usaha Sementara di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam ke Kerajaan Bahrain, Dayang Nazirah binti Haji Zaini.

Dialog keselamatan tahunan anjuran International Institute for Strategic Studies (IISS) berkenaan menghimpunkan pegawai-pegawai kanan kerajaan, para penggubal dasar, pemimpin-pemimpin tentera, dan pakar-pakar daripada institusi penyelidikan terkemuka seluruh dunia untuk membincangkan pelbagai cabaran keselamatan di Timur Tengah dan sekitarnya.

**>> Muka 4**

# Penyampaian wakaf Buku Masjid-masjid Brunei Darussalam

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Disember. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman petang tadi menerima wakaf Buku Masjid-masjid Brunei Darussalam.

Penyampaian wakaf buku tersebut disampaikan oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Borneo Corporation, Dr. Haji Nasir Latif berlangsung di Bilik Dhiyafah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**>> Muka 4**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menerima wakaf Buku Masjid-masjid Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Borneo Corporation, Dr. Haji Nasir Latif.**

# Kempen Kebersihan Senegara kutip 302kg sampah

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**BELAIT,** Sabtu, 7 Disember. - Sebanyak 302 kilogram sampah telah berjaya dikutip semasa Kempen Kebersihan Senegara di kawasan kampung-kampung bertempat di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong 3 Selatan, Mukim Seria, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Imam Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan, Seria, Awang Mohd. Shahirwandy bin Samsudin dan diteruskan dengan sesi bergambar ramai dan Kempen Kebersihan dimulakan.

Kempen Kebersihan Senegara anjuran Kementerian Kesihatan ini diadakan adalah bagi memperkasa masyarakat untuk menanamkan rasa tanggungjawab dalam melindungi dan memelihara alam sekitar melalui kaedah pembuangan sampah yang betul.

**>> Muka 5**

# Pupuk semangat kesukarelawanan, subur nilai kemanusiaan

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**BELAIT,** Ahad, 8 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) telah mengungkayahkan Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 yang diadakan serentak di keempat-empat daerah hari ini.

Hari Sukarelawan Antarabangsa merupakan mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan pada 5 Disember setiap tahun.

**>> Muka 6**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



HUFFAZ Islamic Camp beri inspirasi belia cintai Al-Quran, sunnah

Muka 8



MEWUJUDKAN masyarakat inklusif untuk OKU

Muka 10



PESTA Makan Tahun tutup tirai

Muka 16




DAYANG Zara Laila Cheong tingkatkan kepakaran dalam bidang keselamatan siber

Muka 20

# Kaum lelaki bertindak sekarang demi kesihatan masa hadapan

**Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Ambiya Iwal Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi.**

**ALHAMDULILLAH**, dengan berkat dan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua kita semua dapat hadir pada acara pagi ini iaitu bagi meraikan Bulan Kesedaran Kesihatan Lelaki 2024 atau lebih dikenali sebagai Movember Month yang dianjurkan oleh Pusat Kanser Brunei (TBCC), Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC). Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Bulan Kesedaran Movember merupakan satu kempen yang diraikan setiap tahun khusus bagi memberikan galakan kepada kaum lelaki untuk meningkatkan inisiatif-inisiatif ke arah penjagaan kesihatan kaum lelaki. Pada tahun ini, tema Sambutan Bulan Kesedaran Kesihatan Lelaki 2024 ialah 'Kekuatan Hari ini untuk Kesihatan Esok' yang memfokuskan kepada kepentingan untuk mengambil tindakan sekarang demi meningkatkan tahap kesihatan diri pada masa hadapan. Kempen ini juga mengetengahkan beberapa isu kesihatan utama bagi kaum lelaki seperti Kanser Prostat; Kanser Testis; Kesihatan Mental dan amalan hidup yang sihat dan aktif.

Pada tahun 2022, menurut Laporan International Agency for Research on Cancer (IARC) daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), terdapat 20 juta kes-kes kanser baharu dan sebanyak 9.7 juta kes kematian disebabkan kanser di seluruh dunia. Laporan berkenaan juga menganggarkan bahawa satu dalam sembilan lelaki dijangka akan kehilangan nyawa disebabkan kanser di mana sebanyak 397,430 jumlah kematian telah disebabkan oleh Kanser Prostat dan sejumlah 9,068 kematian adalah disebabkan oleh Kanser Testis.

Di Negara Brunei Darussalam, sebanyak satu dalam empat orang lelaki dianggarkan mempunyai risiko untuk mendapat kanser di sepanjang hayat mereka, di mana tiga jenis kanser yang kerap dialami oleh kaum lelaki di negara ini adalah Kanser Kolorektal (23 peratus), Kanser Paru-paru (14.4 peratus) dan Kanser Prostat (10.9 peratus). Jumlah kes-kes baharu Kanser Prostat di Brunei Darussalam juga menunjukkan peningkatan dari tahun 2020 (22 kes baharu) berbanding 2022 (56 kes baharu). Trend yang sama juga dapat dilihat pada kes-kes baharu Kanser Testis dengan empat kes baharu pada tahun 2021, 10 kes baharu pada tahun 2022 dan 12 kes baharu pada tahun 2023.

Menurut data dari Brunei Darussalam Cancer Registry (BDCR) di sepanjang tempoh 2002 hingga 2021, kebanyakan kanser lelaki didiagnosis pada peringkat akhir iaitu apabila ia telah merebak. Manakala pada tahun 2023, Kanser Kolon adalah penyebab kematian kanser tertinggi di kalangan lelaki iaitu telah menyebabkan 40 kematian, diikuti oleh Kanser Paru-paru (28 kematian) dan Prostat (17 kematian). Statistik ini amat membimbangkan lebih-lebih lagi apabila kebanyakan daripada kes-kes kanser berkenaan boleh dirawat dengan sepenuhnya apabila ia dikesan pada peringkat awal lagi. Oleh itu, amat wajarlah bagi kita semua untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan bagi mengesan penyakit-penyakit kanser dengan lebih awal. Sekiranya lebih ramai kaum lelaki mendapatkan ujian saringan kanser dengan kerap, setentunya kes-kes kanser berkenaan akan dapat dirawat dengan lebih awal dan seterusnya mengurangkan kes kematian disebabkan kanser.

Selaras dengan tema pada tahun ini, kaum lelaki perlu bertindak segera dengan membina kekuatan diri untuk membuat perubahan demi untuk meningkatkan kesihatan diri masing-masing. Kaum lelaki juga dinasihatkan untuk menjalani ujian-ujian saringan yang telah disediakan. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan ada menyediakan khidmat saringan di bawah Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (PPKK) yang antara lain memberikan Pemeriksaan Kolorektal bagi warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berusia 50 hingga 75 tahun. Dalam masa yang sama, Pusat Kanser Brunei sebagai pusat utama penjagaan dan pengurusan kanser di Brunei Darussalam juga ada menawarkan beberapa perkhidmatan daripada peringkat pengesanan awal hingga peringkat rawatan, termasuk khidmat nasihat dan ujian bagi mereka yang mempunyai risiko tinggi menghidap kanser, dengan menggunakan kaedah-kaedah terkini dan teknologi yang moden untuk mengesan dan merawat pesakit-pesakit daripada kanser. Pusat Kanser Brunei juga kerap bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan juga organisasi-organisasi kanser kebangsaan dan organisasi antarabangsa bagi menggerakkan agenda pencegahan kanser di negara ini.

>> Muka 16



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap sempena Bulan Kesedaran Kesihatan Lelaki - Movember 2024 pada 17 November 2024 bertempat di OneCity Shopping Centre.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| DISEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | ISNIN | 7 | 4.44 | 4.54 | 6.17 | 6.41 | 12.14 | 3.35 | 6.08 | 7.23 |
| 10 | SELASA | 8 | 4.44 | 4.54 | 6.18 | 6.42 | 12.14 | 3.36 | 6.08 | 7.23 |
| 11 | RABU | 9 | 4.45 | 4.55 | 6.18 | 6.42 | 12.15 | 3.36 | 6.09 | 7.23 |
| 12 | KHAMIS | 10 | 4.45 | 4.55 | 6.19 | 6.43 | 12.15 | 3.37 | 6.09 | 7.24 |
| 13 | JUMAAT | 11 | 4.46 | 4.56 | 6.19 | 6.43 | 12.15 | 3.37 | 6.10 | 7.24 |
| 14 | SABTU | 12 | 4.46 | 4.56 | 6.20 | 6.44 | 12.16 | 3.38 | 6.10 | 7.25 |
| 15 | AHAD | 13 | 4.47 | 4.57 | 6.20 | 6.44 | 12.16 | 3.38 | 6.11 | 7.25 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 / 25 °C | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C |
| Pekan Bangar | 31 / 25 °C | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 / 26 °C | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C |
| Kuala Belait | 32 / 26 °C | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 9 DISEMBER 2024

# Pengorbanan sukarelawan disanjung tinggi

**AKTIVITI** kesukarelawanan merupakan satu perkara yang tidak asing lagi dalam hidup bermasyarakat dan kesukarelawanan ini sudah menjadi sebahagian daripada norma kehidupan manusia pada hari ini.

Sosok seorang sukarelawan ini sangat mulia dan dihormati kerana individu yang bergelar sukarelawan ini tidak kenal penat lelah dan sentiasa bersemangat membantu apa sahaja yang diperlukan tanpa meminta balasan.

Semangat kerjasama yang dipikul oleh sukarelawan ini sangat didukung dan perlu dicontohi oleh segenap lapisan masyarakat.

Peranan sukarelawan sangat luas dan meliputi pelbagai aktiviti dan khidmat sukarela seperti dalam pengurusan kebajikan, pemulihan, pembangunan, pendidikan, keselamatan, kesihatan dan pemuliharaan alam sekeliling.

Dalam perutusan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 baru-baru ini menekankan sukarelawan bukan sahaja bertindak sebagai penyokong masyarakat tetapi juga sebagai rakan strategik dalam usaha kerajaan untuk memastikan pembangunan negara yang inklusif.

Yang Berhormat juga menggariskan bahawa para sukarelawan membantu dalam memperkukuhkan hubungan sosial, memperbaiki taraf hidup komuniti, memacu perubahan positif dan menggerakkan usaha bersama ke arah kemampanan jangka panjang.

Pada peringkat kebangsaan, Yang Berhormat amat bangga dengan penglibatan aktif para sukarelawan belia kita melalui platform seperti aplikasi Mengalinga dan inisiatif lain di bawah agensi-agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pihak swasta.

Dalam pada itu juga, Yang Berhormat turut menggariskan bahawa kerjasama antara generasi dalam bidang sukarelawan tidak kurang pentingnya dalam membina komuniti yang harmoni dan berdaya tahan.

Setiap generasi membawa perspektif, pengalaman dan tenaga yang unik, yang apabila digabungkan, mampu menghasilkan impak yang lebih besar kepada masyarakat. Golongan muda dengan semangat dan kreativiti mereka dapat belajar dari pengalaman generasi yang lebih tua, manakala generasi berpengalaman boleh mendapat inspirasi daripada pendekatan baharu yang dibawa oleh belia.

Oleh itu, marilah meraikan sambutan ini dengan menghargai sumbangan dan pengorbanan para sukarelawan dalam apa jua aktiviti kebajikan yang dilakukan dan bersama mendokong semangat kesukarelawanan agar lebih ramai lagi melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتکن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# ALLAH JANJIKAN SYURGA BAGI HAMBA-NYA YANG SELALU KE MASJID

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Disember. - Setiap orang yang pergi ke masjid pada awal atau akhir hari untuk menunaikan sembahyang atau menuntut ilmu atau untuk maksud yang baik, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan menyediakan tempat baginya di Syurga sebagai penghormatan dan kemuliaan bagi mereka yang menghadirkan diri ke masjid.

Orang yang pergi ke masjid akan mendapat pahala yang besar sehingga dijanjikan Syurga Allah Subhanahu Wata'ala. Ini merupakan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala untuk hamba-Nya, hanya dengan menunaikan amal yang sederhana ini akan mendapat pahala yang istimewa dan luar biasa.

Perkara tersebut antara yang terkandung di dalam tazkirah bertajuk 'Syurga bagi Pengunjung Masjid' yang disampaikan oleh Ketua Unit Pengurusan Strategik dan Jaminan Kualiti, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Mohd. Khairul Azhar bin Haji Idris dari Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan bagi menyerikan lagi Malam Munajat Kali Ke-163 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang diadakan baru-baru ini.

Acara Malam Munajat diteruskan dengan mengundang tetamu khas, Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Arfan bin Haji Mohd. Yusof yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Juga hadir bagi sama-sama menyemarakkan Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut mengimarahkan acara tersebut ialah Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah serta Ahli Kumpulan Belia Masjid Syababussalam, Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan; Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah dari Masjid Kampung Limau Manis; Masjid Kampung Pengkalan Batu serta masjid-masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara yang berjumlah 55 buah.

Juga ikut serta, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara dalam talian dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Imam Tingkat II, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Mohd. Asdey Hazabullah bin Haji Mohd Zain dari Masjid Kampung Limau Manis.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Ghani dari Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Ahli Kumpulan Belia Masjid Syababussalam, Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Pengiran Saiful Khairul Hakimin bin Pengiran Liudin dari Masjid Kampung Pengkalan Batu.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi sama-sama menyemarakkan Malam Munajat tersebut.**

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat serta penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai Malam Munajat pada setiap Sabtu, malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu.*

# Lebih 120 penerima diraikan pada Anugerah APICTA 2024



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Anugerah Bersekutu ICT Asia Pasifik (APICTA) 2024 dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang (atas dan kanan).**




**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Suzani Adina Haji Marzoki**

**GADONG**, Sabtu, 7 Disember. - Majlis Penyampaian Anugerah Bersekutu ICT Asia Pasifik (APICTA) 2024 diadakan pada malam tadi di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Kemuncak majlis ialah penyampaian anugerah trofi dan sijil kepada lebih 120 penerima yang diraikan termasuk penerima Anugerah Merit dan Anugerah Pilihan Ramai.

Bagi Sub-kategori Consumer, pemenang bagi Banking, Insurance & Finance milik Progresif Ding! dari Progresif Sendirian Berhad, Negara Brunei Darussalam (NBD); Digital Marketing/Advertising and Marketplaces pula disandang oleh Try.Eat! Influencer Matching Platform dari InnoLab Limited, Hong Kong serta Media & Entertainment, Tourism & Hospitality, Retail & Distribution dijuarai oleh CityGeni - Smart City App Specializing in Barrier-Free Navigation dari Maphive Technology Limited, Hong Kong.

Sementara itu, bagi Sub-kategori Business Services, Financial & Professional Services dimenangi oleh Lime dari LinearSix Private Limited, Sri Lanka serta Marketing & Security Solutions menjadi milik Epic PreveNET Terminal Security Amplifier dari Epic Lanka (Private) Limited, Sri Lanka.

Bagi Sub-kategori Industrial, Agriculture, Supply and Sustainability dianugerahkan kepada Stoktake dari Stoktake, Australia.

Bagi Sub-kategori dalam Public Sector & Government iaitu Citizen Services dianugerahkan kepada HKeToll - The Free-flow Tolling System dari Transport Department, The Government of the HKSAR / Autotoll Limited/Arup, Hong Kong dan Digital Government disandang oleh Central Biometric Verification Monitoring Platform (CBVMP) dari Synesis IT Limited, Bangladesh.

Bagi Sub-kategori Inclusion & Community, Education, Sustainability and Environment dianugerahkan kepada AI-driven Sorting System dari Green AI Technology Limited, Hong Kong; Community & Indigenous Services pula dimenangi oleh Bloodkad dari Nextacloud Technologies Sendirian Berhad, NBD serta Health & Inclusions dijuarai oleh TrueEye : Preventive Health Hero dari True Eye, Thailand.

Manakala Sub-kategori Student mengetengahkan Junior Student yang dianugerahkan kepada Gsteps dari Bangkok Christian College, Thailand; Senior Student Projects : Applications kepada A-EYE AI visual impaired shopping assistant dari ELCHK Lutheran Secondary School, Hong Kong serta Senior Student Projects : Solutions kepada KidneyLifePlus+ : Retinal Imaging Analysis for Kidney Disease Risk Assesment dari The Prince Royal's College, Thailand.

Turut di bawah Sub-kategori Student ialah Tertiary Student Projects : Applications yang dianugerahkan kepada From Romanized Nepali to Pure Nepali : AI Transliteration Using Transformer Architecture For Low Reso dari Hong Kong Baptist University, Hong Kong; dan Tertiary Student Projects : Solutions kepada SAFERIN dari Hong Kong Institute of Information Technology, Hong Kong.

Manakala Sub-kategori Technology menampilkan Business Data Analytics dianugerahkan kepada Public transportation ridership simulation to Keep Cities Moving - The Unprecedented Strategy and In dari MTR Corporation Limited, The Hong Kong University of Science and Technology, Hong Kong; dan Artificial Intelligence kepada HR Avenue dari myQuickHR Sdn. Bhd., Malaysia.

Bagi Sub-kategori Cross-Category pula, Research & Development Project of the Year dianugerahkan kepada TrueEye : Preventive Health Hero dari True Eye, Thailand serta Start-Up of the Year kepada Stoktake dari Stoktake, Australia.

Lebih 180 pasukan daripada Ahli-ahli APICTA mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan dengan lebih 270 penyertaan telah diterima.

Penyertaan dinilai dalam 24 kategori termasuk Sub-kategori di bawah Consumer, Community Services & Inclusions, Industrial, Business Services, Public Sector & Government, Students, Cross Categories and Technology Awards.

Antara anugerah yang paling diraikan ialah People's Choice Awards di bawah Kategori Projek Senior Student dan Tertiary Student Project dengan pemenang ditentukan oleh jumlah undian tertinggi daripada orang ramai yang dimenangi oleh KidneyLifePlus+ : Retinol Imaging Analysis for Kidney Disease Risk Assessment dari The Prince Royal's College, Thailand, dan Augmented Reality Based Users Manuals dari Air University Aerospace and Aviation Campus, Pakistan bagi Kategori Tertiary Student Projects : Solutions.

Anugerah berkenaan menekankan peranan penting belia dalam memacu inovasi dan melibatkan diri dengan komuniti melalui penyelesaian teknologi yang memberi impak.

Anugerah APICTA 2024 dilancarkan secara rasmi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa Majlis Perasmian dan Sambutan Gala APICTA 2024 pada 4 Disember 2024 lepas.

Anugerah APICTA diadakan secara tahunan sebagai platform bagi pertandingan serantau Asia Pasifik bagi produk serta penyelesaian digital yang mengiktiraf daya saing dan potensi para peserta di peringkat Asia Pasifik.

Pada tahun ini, NBD menjadi tuan rumah Anugerah APICTA 2024, yang dikendalikan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan kerjasama Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Persekutuan InfoCom Brunei (IFB).

Majlis berkenaan juga menyaksikan penyerahan Anugerah APICTA kepada negara seterusnya yang akan menjadi tuan rumah APICTA 2025.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai APICTA, bolehlah mengikuti Instagram *@apicta.awards* atau melayari laman sesawang *www.apicta2024.bn.*

PELITA BRUNEI

# PENYAMPAIAN WAKAF BUKU MASJID-MASJID BRUNEI DARUSSALAM

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat diikuti dengan ucapan daripada wakil Syarikat Borneo Corporation.

Majlis diteruskan dengan penyampaian wakaf buku kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang kemudiannya menyampaikan sumbangan wakaf tersebut kepada Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Sebanyak 140 naskhah wakaf buku disumbangkan di mana buku berkenaan mengandungi banyak rujukan sejarah yang diketengahkan termasuk daripada kitab suci Al-Quran, hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, mengenai masjid dalam sejarah Islam dan sejarah masjid-masjid utama di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta tentang adab memasuki sesebuah masjid.

Di samping itu, buku berkenaan juga mengongsikan tentang pengalaman pengarangnya melalui lawatan-lawatan peribadi beliau ke masjid-masjid di luar negara.

Penerbitan Buku Masjid-masjid Brunei Darussalam adalah diharapkan sebagai sumber pengetahuan dan rujukan kepada orang ramai selain menjadi sumbangan ke arah pembangunan masjid-masjid NBD pada masa depan.

Pengarang Buku Masjid-masjid Brunei Darussalam iaitu Dato Paduka Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim merupakan bekas Pengarah Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Beliau berkelulusan PhD dalam pengajian Antropologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia serta Sarjana Falsafah dalam Antropologi dari Cambridge University, United Kingdom.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sumbangan wakaf tersebut kepada Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Sumbangan wakaf buku tersebut adalah bersifat amal jariah syarikat tersebut dan diharap setiap masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara akan memilikinya serta jemaah masjid akan dapat manfaat daripadanya.

# Dialog Manama : Memperkukuh diplomasi pertahanan, tingkatkan kerjasama keselamatan




YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan delegasi bergambar ramai semasa Dialog Manama Kali Ke-20 pada 6 Disember 2024 di The Ritz Carlton Hotel, Kerajaan Bahrain (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat semasa menghadiri Dialog Manama berkenaan. Sementara gambar bawah, sekitar Sesi Plenari Dialog Manama Kali Ke-20.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan







>> Muka 1

Tema tahun ini, 'Middle East Leadership in Shaping Regional Prosperity and Security', memberi tumpuan kepada keselamatan serantau, penyelesaian konflik, inisiatif keamanan dan pemodenan pertahanan.

Jamuan rasmi yang dihoskan oleh Duli Yang Teramat Mulia Putera Salman bin Hamad Al Khalifa, Putera Mahkota, Timbalan Panglima Tertinggi, dan Perdana Menteri Kerajaan Bahrain diadakan pada hari pertama dialog untuk mengalu-alukan semua delegasi.

Pada hari berikutnya, dialog dimulakan dengan ucaptama oleh Yang Amat Mulia Putera Faisal bin Farhan Al Saud, Menteri Luar Negara, Kerajaan Arab Saudi.

Baginda menekankan kepentingan kritikal diplomasi dan undang-undang antarabangsa dalam menyelesaikan konflik, termasuk konflik Isreal-Palestin. Acara berkenaan juga turut merangkumi pembentangan oleh pakar dan Sesi-sesi Plenari.

Sejak penubuhannya pada 2004, Dialog Manama telah menyediakan platform penting bagi memupuk diplomasi pertahanan dan meningkatkan kerjasama antara negara-negara. Tahun ini, acara berkenaan dihadiri oleh lebih daripada 550 perwakilan daripada 40 buah negara, dengan Kementerian Pertahanan NBD secara berkala mengambil bahagian bagi mengukuhkan hubungan antarabangsa dan mempromosi kerjasama keselamatan.



# KEMPEN KEBERSIHAN SENEGARA KUTIP 302KG SAMPAH




Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Kempen Kebersihan Senegara di kawasan kampung-kampung di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong 3 Selatan, Mukim Seria (kiri), manakala gambar atas, antara yang menyertai kempen tersebut.**

**>> Muka 1**

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Juga hadir, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md Khalifah bin Pengiran Haji Md. Ismail; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan, penghulu-penghulu, ketua kampung dan para penduduk di STKRJ Lorong 3 Selatan, Seria.

# Mini Karnival meriahkan Hari Keluarga Kebangsaan 2024






Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Mini Karnival Santai Keluarga Ku Kampung Bunut Perpindahan 2024 dan seterusnya bergambar ramai (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Mohammad Khairoul Johani bin Haji Jumat selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kerja Mini Karnival tersebut semasa berucap pada majlis berkenaan.**

**BUNUT,** Sabtu, 7 Disember. - Pelbagai aktiviti dan bazar gerai jualan diadakan semasa berlangsungnya Mini Karnival Santai Keluarga Ku Kampung Bunut Perpindahan 2024 bertempat di tempat Letak Kereta



Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut, yang bermula 1 Disember lalu sehingga 15 Disember 2024 nanti.

Mini Karnival yang diadakan bersempena dengan Hari Keluarga Kebangsaan 2024 itu dianjurkan bersama oleh Majlis Perundingan Kampung Bunut Perpindahan, Takmir Masjid Kampung Bunut dan Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian Mini Karnival tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan isteri, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin dan Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Mohammad Khairoul Johani bin Haji Jumat selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Kerja Mini Karnival berkenaan semasa berucap antara lain menjelaskan melalui acara berkenaan, ia memberi peluang untuk mengukuhkan lagi hubungan silaturahim bukan sahaja dalam kalangan ahli keluarga malah sahabat handai yang hadir.

Aktiviti seperti ini jelasnya bukan sahaja menceriakan malah membina suasana mesra dan harmoni dalam komuniti kita serta mempromosi gaya hidup sihat.

"Di samping itu juga Mini Karnival ini dapat memberi peluang kepada penduduk-penduduk kampung dan para peniaga kecil-kecilan yang sangat gigih berusaha dengan menjana pendapatan dengan adanya bazar gerai jualan dan sebagainya. Ini adalah salah satu inisiatif pihak penganjur dalam memperbaiki serta meningkatkan ekonomi dan taraf hidup sesebuah keluarga," ujarnya.

Pada majlis tersebut, pihak IKERAB juga membuat satu *petition* panel dengan slogan Belia Benci Dadah, iaitu sebagai komitmen persatuan untuk memerangi dadah.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir dan memeriahkan lagi acara Mini Karnival berkenaan dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan sekali gus menyokong para pengusaha tempatan.

قليتا بروني PELITA BRUNEI

# Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024

## Daerah Belait

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**>> Muka 1**

Hari Sukarelawan Antarabangsa dilihat sebagai peluang unik bagi sukarelawan dan organisasi untuk meraikan usaha, berkongsi dan mempromosi kerja mereka serta menyumbang kepada perdamaian dan pembangunan dengan menyokong pengiktirafan sukarelawan dan bekerjasama dengan rakan-rakan untuk mengintegrasikan sukarelawan ke dalam program pembangunan.

Bersempena dengan sambutan tersebut, Majlis Sambutan dan Penghargaan Kempen Hari Bertindak (Day of Action) telah diadakan di Kompleks Sukan Mumong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid. Turut hadir sama selaku tetamu khas majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Imam Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminnuddin diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Pengerusi Majlis.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian sijil dan plak penghargaan kepada lima Trailblazers Aplikasi Mengalinga bagi Sesi 2023 - 2024 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Manakala penyampaian sijil dan plak penghargaan kepada lima Highflyers Aplikasi Mengalinga bagi Sesi 2023 - 2024 telah disempurnakan oleh tetamu khas majlis.

Bagi memeriahkan lagi majlis sambutan, pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan di sekitar kawasan Kompleks Sukan Mumong seperti Acara Penyerahan Sumbangan Back to School kepada 10 penerima bantuan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, mengecat *walkway*, menanam bunga dan Self Practical Defensive Driving.

Tetamu kehormat majlis juga turut menyertai Aktiviti Kempen Hari Bertindak di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan anjuran IBTE Agro-Technology, Wasan iaitu Program Kesedaran Gaya Hidup Sihat.

Seterusnya tetamu kehormat majlis bergerak ke Skate Park Kampung Pandan bagi mengikuti Aktiviti Mural Painting dan mengecat kawasan Skate Park anjuran Belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pandan. Maraton Aktiviti Sukarelawan telah bermula pada 11 November 2024 dan akan diadakan hingga 31 Januari 2025.

Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa ini bertujuan untuk menyediakan platform bagi mengumpulkan masyarakat NBD dalam pembangunan semangat kesukarelawanan serta menjadi lambang perpaduan dan usaha dalam pelbagai peringkat masyarakat menuju ke arah perubahan melalui pendekatan bersama dan bekerjasama.

Objektif utama sambutan adalah sebagai wadah bagi mengumpulkan masyarakat ke arah memupuk semangat kesukarelawan, di samping memberi penghargaan kepada sukarelawan dan organisasi yang aktif dalam kerja-kerja sukarela melalui penggunaan aplikasi Mengalinga.

Ia juga dapat memperkukuhkan budaya perpaduan dalam kalangan masyarakat dalam melaksanakan kerja-kerja yang bermanfaat serta memberikan kefahaman mengenai konsep kesukarelaan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Turut hadir menyertai aktiviti Kempen Hari Bertindak di Daerah Belait ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan) Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh serta Pegawai-pegawai Kanan KKBS dan Kementerian Pembangunan.

Lebih 100 aktiviti telah disusun setakat ini bagi Kempen Hari Bertindak 2024 seluruh negara dengan melibatkan lebih daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, persatuan / pergerakan belia, Organisasi Bukan Kerajaan, MPK dan sekolah-sekolah. Pendaftaran bagi menyertai aktiviti Kempen Hari Bertindak ini telah pun dibukakan bermula 12 September 2024 hingga 16 Januari 2025.

Sebarang maklumat mengenai aktiviti-aktiviti Kempen Hari Bertindak boleh diperoleh melalui aplikasi Mengalinga serta Instagram *@jbs.bn*, *@dayofaction.brunei* dan *@hab.belia*.

Sehubungan itu, KKBS mengalu-alukan penyertaan belia untuk mengikuti pelbagai aktiviti-aktiviti kesukarelawanan yang telah pihak urus setia majlis sediakan di keempat-empat daerah.



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan dan Penghargaan Kempen Hari Bertindak yang diadakan di Kompleks Sukan Mumong. Turut hadir sama selaku tetamu khas majlis ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

## Daerah Brunei dan Muara

**Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya**
**Foto : Muhamad Khairul Hisyam Jaya, Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Kempen Hari Bertindak yang bermula di Masjid Kampung Lambak bagi Daerah Brunei dan Muara.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Disember. - Hari Sukarelawan Antarabangsa merupakan mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan pada 5 Disember setiap tahun.

Ia juga dilihat sebagai peluang unik bagi sukarelawan dan organisasi untuk meraikan usaha, berkongsi dan mempromosi kerja mereka serta menyumbang kepada perdamaian dan pembangunan dengan menyokong pengiktirafan sukarelawan dan bekerjasama dengan rakan-rakan untuk mengintegrasikan sukarelawan ke dalam program pembangunan.

Sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) hari ini mengungkayahkan Kempen Hari Bertindak yang diadakan serentak di keempat-empat daerah.

Di Daerah Brunei dan Muara (DBM), Kempen Hari Bertindak bermula di Masjid Kampung Lambak. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Budaya) KKBS, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa bertujuan untuk menyediakan platform bagi mengumpulkan masyarakat NBD dalam pembangunan semangat kesukarelawanan serta menjadi lambang perpaduan dan usaha di pelbagai peringkat masyarakat menuju ke arah perubahan melalui pendekatan bersama dan bekerjasama.

Pelbagai aktiviti menarik telah dianjurkan sempena Kempen Hari Bertindak yang berlangsung di DBM. Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohammad bin Haji Bagol selaku Imam Masjid Kampung Lambak, diikuti dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis diselajurkan dengan penyerahan telekung yang telah dibersihkan serta peralatan dan keperluan masjid anjuran Persatuan Belia Kampung Lambak (PERBEKAL) dan kemudiannya bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Lambak.

Aktiviti pagi itu diteruskan dengan acara senamrobik dan berjalan pantas, menanam pokok kenangan serta Kempen Kebersihan kawasan persekitaran masjid.

Kempen Hari Bertindak juga diadakan di Dewan Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia dengan Aktiviti Majlis Kembali ke Sekolah bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA.

Beberapa aktiviti juga turut telah diungkayahkan di Pusat Belia, di ibu negara antaranya, Pameran Jet Ski kendalian Persatuan Jet Brunei, Bengkel Menapih Sinjang dan Menambat Dastar oleh Persatuan Bekas Peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (BERSATU).

Selain itu, turut diadakan Bengkel Asas Memanah oleh Kelab Memanah Setia Bersatu, Bengkel Penulisan Khat Jawi oleh Pusat Sejarah Brunei, Bengkel Fotografi Lanjutan oleh Persatuan Jurufoto NBD, Kemahiran Asas Kayak Fasa II yang dikendalikan oleh Persatuan Kayak dan Bengkel Penulisan Skrip oleh Kumpulan Putra Seni.

Acara kemuncak adalah Aktiviti Melukis Mural Kempen Hari Bertindak oleh Pengakap Tunas DBM, serta penanaman pokok dan tandatangan Lembaran Kenangan oleh pegawai dan kakitangan Pusat Belia diikuti dengan majlis penyampaian sijil dan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

Majlis turut menyaksikan pelepasan konvoi penghantaran sedekah makanan asasi kepada lima keluarga yang dianjurkan oleh beberapa pihak termasuk mantan Sukarelawan Belia Kebangsaan, Persatuan Ibu-Ibu Tunggal, Persatuan Pandu Puteri DBM dan Kumpulan Projek Bina Bakti dan Kumpulan Muslimah Universiti Brunei Darussalam.

Acara ini berjaya meningkatkan semangat komuniti dan memupuk nilai kebersamaan khususnya dalam kalangan penduduk DBM.



**TURUT diadakan Bengkel Asas Memanah.**

# Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024

## Daerah Tutong

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**



**TUTONG**, Ahad, 8 Disember. - Kempen Hari Bertindak (Day of Action) sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 diadakan serentak di keempat-empat daerah hari ini yang diungkayahkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS).

Di Daerah Tutong, aktiviti Kempen Hari Bertindak bermula di Kompleks Sukan Tutong. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Tenaga) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib. Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari serta Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah sesi senamrobik di kawasan Grandstand, Kompleks Sukan Tutong kemudian *briskwalk* menuju ke kawasan Semaian, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Daerah Tutong bagi menyemai benih bunga.

Tetamu kehormat kemudiannya beredar ke kawasan Bangunan Bahagian Belia, JBS Tutong bagi Program Let's Clean, Let's Green with IMPAK! dan seterusnya menanam bunga pohon Jasmin dikendalikan oleh Kumpulan IMPAK Pergerakan Belia Daerah Tutong dan JBS Tutong.

Program Let's Clean, Let's Green with IMPAK! merupakan Kempen Kebersihan yang dikendalikan di kawasan luar dan dalam Pusat Belia II, Tutong. Ia merupakan salah satu inisiatif hijau bagi meningkatkan kesedaran terhadap peranan dan tanggungjawab yang boleh dilakukan oleh setiap individu dalam memastikan kebersihan dan menjaga alam sekitar.

Selepas aktiviti menanam bunga, tetamu kehormat seterusnya bergerak ke Tanah Lapang dan Pusat Latihan Persatuan Pengakap Daerah Tutong bagi menyertai Program Kehijauan dan Canvas Painting Mural Kempen Hari Bertindak.

Program Kehijauan diisikan dengan sesi taklimat mengenai hutan hijau - kawalan serta pemeliharaan di Negara Brunei Darussalam (NBD) daripada pihak Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Acara Kempen Hari Bertindak berakhir di Dewan Bahasa dan Pustaka, Daerah Tutong bagi aktiviti Back to School dan Pertandingan Mewarna.

Turut menyertai semasa Kempen Hari Bertindak tersebut ialah Ahli-ahli Persatuan Pengakap Daerah Tutong, Belia Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel Kampung Kiudang, Tutong serta Ahli-ahli Belia IMPAK.



**Di Daerah Tutong, Kempen Hari Bertindak dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Tenaga) Jabatan Perdana Menteri selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri dan atas).**

Hari Sukarelawan Antarabangsa merupakan mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan pada 5 Disember setiap tahun. Sambutan ini bertujuan untuk menyediakan platform bagi mengumpulkan masyarakat NBD dalam pembangunan semangat kesukarelawanan, serta menjadi lambang perpaduan dan usaha dalam pelbagai peringkat masyarakat menuju ke arah perubahan melalui pendekatan bersama dan bekerjasama.

Sementara itu, Maraton Aktiviti Sukarelawan telah bermula pada 11 November 2024 dan akan diadakan hingga 31 Januari 2025. Lebih 100 aktiviti telah disusun setakat ini bagi Kempen Hari Bertindak 2024 seluruh negara dengan melibatkan lebih daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, persatuan / pergerakan belia, Organisasi Bukan Kerajaan, Majlis Perundingan Kampung dan sekolah-sekolah.

Pendaftaran bagi menyertai aktiviti-aktiviti Kempen Hari Bertindak ini telah pun dibukakan bermula 12 September 2024 hingga 16 Januari 2025. Sebarang maklumat mengenai aktiviti-aktiviti Kempen Hari Bertindak boleh diperoleh melalui aplikasi Mengalinga serta Instagram @jbs.bn, *@dayofaction.brunei* dan *@hab.belia.*

Sehubungan itu, KKBS mengalu-alukan penyertaan belia untuk mengikuti pelbagai aktiviti-aktiviti kesukarelawanan yang telah pihak urus setia majlis sediakan di keempat-empat daerah.

## Daerah Temburong

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan hadir selaku tetamu kehormat pada Kempen Hari Bertindak di Daerah Temburong. Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas). Manakala gambar kanan, antara yang menyertai kempen berkenaan.**

**TEMBURONG,** Ahad, 8 Disember. - Hari Sukarelawan Antarabangsa dilihat sebagai peluang unik bagi sukarelawan dan organisasi untuk meraikan usaha, berkongsi dan mempromosi kerja mereka serta menyumbang kepada perdamaian dan pembangunan dengan menyokong pengiktirafan sukarelawan dan bekerjasama dengan rakan-rakan untuk mengintegrasikan sukarelawan ke dalam program pembangunan.

Sehubungan itu, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) khususnya Jabatan Belia dan Sukan (JBS) mengadakan Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 yang diadakan serentak di keempat-empat daerah hari ini.

Di Daerah Temburong, aktiviti Kempen Hari Bertindak bermula di kawasan Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin. Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan serta Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Terdahulu, acara dimulakan dengan sesi senamrobik dikendalikan oleh Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), diikuti dengan Think Green - Kempen Kebersihan di Taman Permainan Kanak-kanak dan kawasan dewan anjuran Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Daerah Temburong; Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Daerah Temburong; PKBN dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie.

Tetamu kehormat dan rombongan seterusnya mengunjungi ke kawasan Masjid RPN Kampung Rataie bagi Aktiviti Menanam Bunga dan Kempen Kebersihan di kawasan masjid tersebut.

Kemudian rombongan telah menyertai Kami Paduli iaitu menyampaikan sumbangan bantuan barangan makanan asasi dan membersihkan kawasan rumah yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), PKBN dan MPK Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Rataie.

Tetamu kehormat kemudiannya bergerak ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Daerah Temburong bagi mengikuti Aktiviti Mini Festival DBP dan Back to School Donation iaitu penyerahan sumbangan barangan peralatan sekolah bagi anak-anak yatim yang terpilih di Daerah Temburong dan Canvas Painting kendalian JAPEM Temburong, DBP dan Belia Permata Hijau.

Akhir sekali, tetamu kehormat bergerak ke Padang Kemasyarakatan Pekan Bangar bagi menyertai Glamping Permata Hijau iaitu Aktiviti Perkhemahan Santai dan aktiviti sampingan yang



dikendalikan oleh Persatuan Pengakap Daerah Temburong, GHB Campers, Family Camping Brunei (FCB) dan Brunei Campers.

Antara lain objektif utama sambutan adalah sebagai wadah bagi mengumpulkan masyarakat ke arah memupuk semangat kesukarelawanan di samping memberi penghargaan kepada sukarelawan dan organisasi yang aktif dalam kerja-kerja sukarela melalui penggunaan aplikasi Mengalinga.

Ia juga dapat memperkukuhkan budaya perpaduan dalam kalangan masyarakat dalam melaksanakan kerja-kerja yang bermanfaat serta memberikan kefahaman mengenai konsep kesukarelawanan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Maraton Aktiviti Sukarelawan telah bermula pada 11 November 2024 dan akan diadakan hingga 31 Januari 2025. Lebih 100 aktiviti telah disusun setakat ini bagi Kempen Hari Bertindak 2024 seluruh negara dengan melibatkan lebih daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, persatuan / pergerakan belia, Organisasi Bukan Kerajaan, MPK dan sekolah-sekolah.

PELITA BRUNEI

# HUFFAZ ISLAMIC CAMP BERI INSPIRASI BELIA CINTAI AL-QURAN, SUNNAH



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta program.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**KAMPUNG PULAIE**, Ahad, 8 Disember. - Al-Huffaz Management telah menganjurkan Program Huffaz Islamic Camp 2024 yang berlangsung selama empat hari tiga malam bermula 5 hingga 8 Disember 2024 bertempat di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie.

Program tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 30 peserta, terdiri daripada 16 peserta lelaki dan 14 peserta perempuan.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Huffaz Islamic Camp 2024 diadakan pagi tadi yang dihadiri oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku tetamu kehormat majlis yang kemudian turut menyampaikan sijil-sijil penyertaan kepada para peserta program.

Majlis penutup ini turut diserikan dengan kehadiran para ibu bapa dan penjaga peserta yang berkesempatan menyaksikan pencapaian anak-anak mereka serta penyokong - penyokong di sepanjang program berkenaan.

Para peserta juga diberikan peluang untuk mempersembahkan hasil hafazan mereka, di samping penyampaian sijil kepada peserta terbaik serta mereka yang turut terlibat, sambil mempamerkan perjalanan mereka sepanjang program ini.

Dianjurkan oleh Al-Huffaz Management dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, PDI, Program Huffaz Islamic Camp 2024 ini berjaya memupuk hubungan yang lebih mendalam dengan Al-Quran sambil mencipta kenangan manis melalui pelbagai aktiviti bertemakan Islam, termasuklah menunggang kuda dan memanah yang berinspirasikan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Selain itu, peserta juga diberi peluang untuk memperkukuhkan kemahiran hafazan mereka, membangunkan semangat berpasukan, disiplin dan keyakinan dalam suasana yang menyeronokkan dan menyokong.

Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan merakamkan penghargaan kepada semua yang telah menyertai dan menyokong program tersebut.

"Kem ini bukan sahaja memberi peluang kepada generasi muda untuk mendalami Al-Quran tetapi juga mencipta pengalaman bermakna yang menggalakkan mereka menghargai nilai-nilai Islam. Kami amat berbangga dengan semangat dan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua peserta sepanjang program ini," ujarnya.

Huffaz Islamic Camp 2024 telah menjadi bukti kejayaan dalam usaha untuk menginspirasi generasi muda agar lebih mencintai Al-Quran dan mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan seharian mereka.



**KETUA Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan semasa berucap.**

# Pesta Pantai Muara tarik kunjungan orang ramai

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Ihsan Jabatan Daerah Brunei dan Muara**

**MUARA**, Ahad, 8 Disember. - Pesta Pantai Muara 2024 merupakan acara yang diadakan bagi mengumpulkan masyarakat kedua-dua mukim serta warga setempat berkumpul bersama keluarga dan juga orang ramai yang terdiri daripada pengunjung pelbagai peringkat lapisan umur untuk menikmati serta mengikuti aktiviti-aktiviti luar yang menarik di sepanjang tiga hari ia diadakan.

Sehubungan itu, Pesta Pantai Muara 2024 yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa dan MPM Mentiri dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) berakhir hari ini di Taman Rekreasi Pantai Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai DBM, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Antara pengisian acara termasuklah jual-jualan daripada Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk kampung dari Mukim Serasa dan Mukim Mentiri.

Selain itu, beberapa aktiviti sukan juga diadakan seperti aktiviti memandu ATV, menunggang kuda, memanah, perlumbaan berbasikal (MTB) bagi warga yang berumur 60 tahun ke atas.

Pada acara itu diserikan lagi dengan persembahan nyanyian dari Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Tanah Jambu dan Kampung Tanah Jambu serta persembahan nyanyian dari Ketua Kampung Mentiri dan Batu Marang dan kemudian dimeriahkan dengan sukan ria.

Sejurus selesai menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, acara itu diteruskan lagi dengan Pertandingan Kikik Tercantik, Pertandingan Kikik (Berpulut), persembahan nyanyian dari Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Sungai Buloh (Bukit Sibanging) dan Kampung Sungai Buloh serta Kuiz Menguji Minda.

Di samping itu, aktiviti pesta itu diteruskan dengan Persembahan Gulintangan, Perlawanan Tarik Kalat dan seterusnya penyampaian hadiah.

Acara berkenaan bertujuan untuk mewujudkan hubungan kekeluargaan, memupuk semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat, selain memberi peluang kepada komuniti daripada kedua-dua mukim untuk menjalankan aktiviti berniaga sekali gus mempromosikan Taman Rekreasi Pantai Muara sebagai kunjungan bersama keluarga semasa cuti persekolahan penghujung tahun.



**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat pada hari terakhir Pesta Pantai Muara 2024. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.**



**SEKITAR Pesta Pantai Muara 2024 yang berlangsung di Taman Rekreasi Pantai Muara.**



# PERSEMBAHAN BUDAYA SERIKAN PESTA MAKAN TAHUN

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir memeriahkan Pesta Makan Malam Pantai Siandang Kampung Jerudong (atas dan kanan), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada pesta berkenaan.**





**JERUDONG,** Sabtu, 7 Disember. - Budaya Makan Tahun adalah satu adat yang dahulunya dilakukan selepas menuai padi. Makan Tahun akan diadakan sebagai tanda kesyukuran kerana mendapat hasil menuai padi yang memberangsangkan dan Makan Tahun diadakan bagi mengharapkan supaya mendapat pendapatan yang lebih baik pada masa akan datang.

Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang yang juga selaku Pengerusi Majlis menyatakan demikian pada Pesta Makan Malam Pantai Siandang Kampung Jerudong, hari ini.

Menurut Pengerusi Majlis, Pesta Makan Tahun antara lain bertujuan untuk mengekalkan dan mengeratkan lagi ukhuwah silaturahim yang sedia ada di antara ketiga-tiga gabungan komuniti penganjur iaitu Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B', MPK Jerudong 'A' dan Persatuan Warisan Kedayan Jerudong 2024.

Selain itu, tambah Awang Kamis, ia juga bagi memperkenalkan dan seterusnya mempertahankan adat budaya tradisi makan tahun itu supaya tetap kekal ada dan salah satu warisan yang masih relevan pada zaman moden sekarang bagi beberapa Puak Brunei.

Dengan cara itu, jelasnya, generasi anak muda kedua-dua buah kampung (Jerudong 'B' dan Jerudong 'A') akan kenal dan berusaha mengekalkan salah satu adat budaya yang terdapat di negara kita.

"Semoga harapan dan usaha semua pihak yang berkaitan bagi Pesta Makan Tahun pada tahun ini akan mencapai objektif tujuan yang diharapkan. Semoga aktiviti-aktiviti sepanjang tiga hari ini akan menjadi kenangan dan pengalaman manis serta memberi manfaat kepada umum tentang warisan adat budaya dan tradisi yang kita warisi sejak dulu lagi," ujarnya lagi.

Hadir memeriahkan majlis malam itu, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed; penghulu dan ketua-ketua kampung.

Acara penuh meriah itu ditambah seri dengan beberapa persembahan bercorak kebudayaan antaranya pencak silat oleh Kumpulan Pesilat Warisan MPK Kampung Jerudong (gabungan pesilat belia dan pesilat-pesilat cilik).

Majlis diteruskan dengan Persembahan Tarian Aduk-aduk dari Sekolah Menengah Sayyidina Hussain diikuti dengan Bermukun yang menampilkan Awang Narudin @ Nordin bin Haji Ahmad dan Dayang Mariam binti Haji Salleh.

Acara juga terus dimeriahkan dengan beberapa persembahan dari luar negara iaitu Persatuan Kedayan Sabah, Persatuan Kedayan Lawas, Waris Kedayan Labuan (WAKAL) serta Persatuan Kedayan Miri serta Persatuan Kedayan Sipitang.

Orang ramai dialu-alukan hadir untuk berkunjung ke gerai-gerai jualan berlangsung selama tiga hari yang berakhir esok daripada pengusaha anak-anak buah Kampung Jerudong 'B' dan 'A' di tapak jualan yang telah disediakan.

# Memupuk kesedaran pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar





**KEMPEN Kebersihan berkenaan disertai oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) (atas), manakala gambar kiri, kira-kira 300 orang menyertai kempen berkenaan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KHEU serta para penduduk Kampung Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**TEMBURONG,** Sabtu, 7 Disember. - Bagi menyokong inisiatif menangani isu kebersihan di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengadakan Kempen Kebersihan di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, termasuk di Masjid RPN Kampung Rataie.

Aktiviti Kempen Kebersihan berkenaan disertai oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Kira-kira 300 orang menyertai kempen berkenaan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KHEU serta para penduduk Kampung RPN Kampung Rataie.

Kempen Kebersihan berkenaan diharap dapat meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar, di samping menambah lagi penghayatan terhadap kebersihan sebagai sebahagian daripada iman dan amalan hidup harian.

# MEWUJUDKAN MASYARAKAT INKLUSIF UNTUK OKU

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan




**SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempengerusikan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial (SOMSWD) dengan penganjuran Mesyuarat SOMSWD Ke-20 dan Mesyuarat-mesyuarat Yang Berkaitan pada 4 hingga 6 Disember 2024 melalui persidangan video.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menjadi Pengerusi Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial (SOMSWD) dengan penganjuran Mesyuarat SOMSWD Ke-20 dan Mesyuarat - mesyuarat Yang Berkaitan pada 4 hingga 6 Disember 2024 melalui persidangan video dengan tema 'Memperkukuhkan Kerjasama untuk Memajukan Hak dan Kebajikan Orang Berkelainan Upaya' (Strengthening Partnerships for Advancing the Rights and Welfare of Persons with Disabilities).

Mesyuarat SOMSWD Ke-20 dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN Plus Three mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial (19th SOMSWD+3) Ke-19 diadakan pada 5 hingga 6 Disember 2024. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Pelaksanaan Mesyuarat SOMSWD Ke-20 dan Mesyuarat-mesyuarat Yang Berkaitan menandakan peranan pertama NBD sebagai Pengerusi SOMSWD. Antara pencapaian yang dijangka bagi NBD selaku Pengerusi termasuklah Mid-Term Review and the End-Term Review of the SOMSWD Work Plan 2021-2025; the Development of the SOMSWD Work Plan 2026-2030 dan the next ASEAN Enabling Masterplan.

Antara perkara yang dibincangkan semasa Mesyuarat SOMSWD Ke-20 ialah Negara-negara Ahli ASEAN telah mengambil maklum status pelaksanaan rangka kerja utama serantau yang diterajui oleh SOMSWD, status pelaksanaan projek-projek di bawah Pelan Kerja SOMSWD 2021-2025 dan perancangan untuk membangun Pelan Kerja SOMSWD 2026-2030 serta mengambil maklum bidang sokongan dan kerjasama yang berpotensi dalam agenda kebajikan sosial dan pembangunan dengan beberapa rakan pembangunan serantau.

Semasa Mesyuarat SOMSWD+3 Ke-19, mesyuarat telah mengambil maklum mengenai kerjasama yang sedang berjalan dan yang berpotensi untuk dijalankan bersama negara-negara ASEAN Plus Three di peringkat serantau dan negara, terutamanya dalam bidang ekonomi penjagaan, perlindungan sosial, penuaan populasi dan penyertaan Orang Kurang Upaya (OKU).

Sebelum kedua-dua mesyuarat berkenaan, Forum GO-NGO Ke-19 mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial (19th GO-NGO Forum) telah diadakan secara dalam talian pada 4 Disember 2024, yang berfungsi sebagai platform pelbagai pihak berkepentingan dan tempat bagi Negara-negara Ahli ASEAN, NGO, sektor swasta, akademik, dan pihak berkepentingan yang relevan untuk menilai keadaan semasa mengenai perlindungan sosial di ASEAN.

Forum tahun ini memberi tumpuan kepada tema, mengenai pentingnya memperkukuhkan perkongsian antara dan dalam kalangan pihak berkepentingan relevan sebagai faktor yang membolehkan untuk mempromosikan hak dan kebajikan OKU.

Forum ini dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS sebagai Pengerusi SOMSWD dan Yang Dipertua Majlis Kesejahteraan OKU, NBD sebagai Pengerusi NGO dengan sokongan kerjasama daripada Forum Orang Kurang Upaya ASEAN (ADF).

Forum ini dihadiri oleh lebih 100 peserta dalam talian, terdiri daripada pegawai-pegawai fokal SOMSWD, wakil dari Negara-negara ASEAN Plus Three, wakil dari Timor-Leste dan Sekretariat ASEAN.

Semasa sesi pembukaan Forum GO-NGO Ke-19, Dayang Hajah Nor Ashikin mengakui bahawa perkongsian yang kukuh, dinamik dan merentas sektor adalah penting dalam menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh OKU.

Kerjasama dan perkongsian antara kerajaan, masyarakat sivil, sektor swasta dan OKU serta keluarga mereka adalah penting agar OKU dapat diperkasakan untuk berkembang dan diintegrasikan sepenuhnya ke dalam semua aspek kehidupan, sekali gus mewujudkan masyarakat yang inklusif untuk OKU.

# Doa Kesyukuran sempena Memperingati Penubuhan MKM

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad





**MEJAR Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang (kiri), manakala gambar kanan, tazkirah disampaikan oleh penceramah dari Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Sallahuddin bin Haji Aminnuddin.**

**MANGGIS / MADANG**, Ahad, 8 Disember. - Sempena memperingati Ulang Tahun Penubuhannya Ke-15, Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), lewat petang tadi mengadakan Majlis Kesyukuran yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Turut hadir, Yang Dipertua MKM, Awang Mohd. Yusof Shaik Abdul Halim.

Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi memperingati ahli-ahli dan klien MKM yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran sebagai tanda syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kejayaan dan pencapaian MKM sepanjang 15 tahun ini.

Sejurus selepas menunaikan Sembahyang Fardu Isyak berjemaah, majlis diserikan lagi dengan tazkirah bertajuk 'Kesukarelawanan Ciri Keimanan' yang disampaikan oleh penceramah dari Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Sallahuddin bin Haji Aminnuddin yang antara lain menekankan kepentingan kesukarelawanan dalam membangun masyarakat yang berdaya maju dengan berlandaskan iman.

Majlis Kesyukuran tersebut bukan sahaja meraikan Ulang Tahun Penubuhan MKM tetapi ia juga bertujuan bagi memperkukuhkan semangat kesatuan dan kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat.

Justeru, MKM bertekad untuk terus memainkan peranan aktif dalam membantu golongan yang memerlukan dan memperkasakan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Juga hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi MKM, Ahli Youth Wing MKM serta belia-belia dan sukarelawan dari Cosmopolitan College of Commerce & Technology yang menyokong usaha murni MKM dalam memperkasakan kebajikan masyarakat selama ini.





# منجاك، ممولياكن دان ممعموركن مسجد

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سبحانه وتعالى دڠن منيڠكتكن كإيمانن كقدڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سبحانه وتعالى ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠاڤيڠي الله سبحانه وتعالى، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة النور أية ٣٦:

**(جهاي ايت برسينر ترأومڽ) درومه-رومه عبادت (مسجد) يڠ الله ڤرينتهكن سوڤاي دمولياكن دان دسبوت نام الله ددالمڽ. (اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان) برتسبيح كڤدڽ ددالمڽ ڤد وقتو ڤاݢي دان ڤتڠ.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

مسجد مروڤاكن شعار أݢام إسلام دان مسجد جوك اداله تمڤت يڠ ڤاليڠ دچينتاٴي دان دسوكاٴي اوليه الله سبحانه وتعالى. درڤد أبو هريرة رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: **أَحَبُّ الْبِلاَدِ إِلَى اللهِ مَسَاجِدُهَا وَأَبْغَضُ الْبِلاَدِ إِلَى اللهِ أَسْوَاقُهَا.**

**مقصودڽ:**

**تمڤت يڠ ڤاليڠ دسوكاٴي الله ددالم سسواتو نݢري ايت اياله مسجد-مسجدڽ مانكالا تمڤت يڠ ڤاليڠ الله بنچي اياله ڤاسر-ڤاسرڽ. {حديث رواية إمام مسلم}**

سباݢي تمڤت يڠ ڤاليڠ مليا دان دسوكاٴي الله سبحانه وتعالى، سستوڽ مسجد ممرلوكن ڤڠحرمتن يڠ سواجرڽ درڤد سسياڤ سهاج يڠ هندق بركونجوڠ دان ماسوق كدالمڽ. سساورڠ يڠ سوك بركونجوڠ كمسجد ڤد ستياڤ ماس دان وقتو سمات-مات اونتوق منداڤتكن كلبيهن دان ݢنجرن درڤد الله سبحانه وتعالى مروڤاكن اورڠ-اورڠ يڠ دصيفتكن اوليه الله سبحانه وتعالى سباݢي اورڠ يڠ بنر-بنر برإيمان كڤدڽ دان منداڤت هداية ڤتونجوق درڤدڽ. الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة التوبة أية ١٨:

**اورڠ-اورڠ يڠ لايق مڠعمارهكن مسجد-مسجد الله ايت هاڽله مريك يڠ برإيمان كڤد الله دان هاري أخيرة، منديريكن سمبهيڠ دان ممباير زكاة سرتا تيدق تاكوت ملاٴينكن كڤد الله. (دڠن اداڽ صفة-صفة يڠ ترسبوت) مك موده-مودهن مريك ترماسوق دالم ݢولوڠن يڠ منداڤت ڤتونجوق.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

أية يڠ دباچكن تادي ممبري إشارت بهاوا مسجد اداله تمڤت يڠ مليا دالم إسلام، بوكن سهاج سباݢاي تمڤت اونتوق ملقساناكن عباده سمبهيڠ، تتاڤي إي جوك برفوڠسي سباݢاي ڤوست ڤمبلاجرن، ڤرهوبوڠن سوسيال دان ڤرڤادوان أومت إسلام. ڤركارا اين بوكن ڤركارا بهارو بهكن تله دلقساناكن ڤد زمان رسول الله صلى الله عليه وسلم، دمان مسجد بوكن هاڽ منجادي تمڤت اونتوق برعباده، تتاڤي جوك منجادي ڤوست ڤنديديقن، ڤربينچڠن تنتڠ أورسن أومت سرت تمڤت اونتوق منكڤكن كعاديلن. ڤمبينأن مسجد اداله سيمبول ككواتن أومت إسلام يڠ ممڤوڽاٴي ڤرڤادوان دان كساتوان.

اوليه إيت، واهاي جماعه يڠ درحمتي الله، ڤمبينأن مسجد ڤرلوله دسرتاٴي دڠن ڤڠإمارهن ياٴيت ملقساناكن أكتيۏيتي-أكتيۏيتي دان ككياتن-ككياتن برمنفعة يڠ دريضاٴي الله سبحانه وتعالى.

الحمدلله، كيت مراس برشكور بهوا أوسها-أوسها ممعموركن دان مڠهيدوڤكن مسجد دڠن برماچم-ماچم ككياتن روحاني دان عملي دري ستاهون كستاهون سماكين منيڠكت. مشاركة سوده سماكين ميداري بهوا كأݢوڠن سسواتو مسجد اداله دأوكور دري ككياتن-ككياتن يڠ دلاكوكن ددالمڽ. اڤ يڠ ممبڠݢاكن، سماكين برتمبهڽ ڤرهاتين بليا-بليا دان رماج دالم توروت سام ممعموركن مسجد دان ترليبت ددالم أكتيۏيتي-أكتيۏيتي مسجد.

كسن كڤد أوسها-أوسها اين اكن ممبنتوق جنراسي يڠ منتڤ، إستقامه، ديديكاسي، برسيكڤ ڤكا دان سلالو ترڤڠݢيل باݢي مڠهولوركن خدمت دان بنتوان. مك سلايقڽ له مسجد إيت دباڠون دان دهيدوڤكن اوليه جماعه دان كمودين برفوڠسي ممبينا جماعه. جوسترو، انتارا أوسها ممعمور دان مڠهيدوڤكن مسجد ايت اداله دڠن:

**ڤرتام: منجاك سمبهيڠ برجماعه ددالمڽ:** كران سسوڠݢوهڽ سمبهيڠ برجماعه اداله فوڠسي أوتام مسجد. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: **"سمبهيڠ برجماعه ايت لبيه بايك درڤد سمبهيڠ برسنديرين سبايق دوا ڤولوه توجوه كالي ݢندا". {حديث رواية بخاري دان مسلم}**

**كدوا: سباݢي ڤوست ڤڽامڤاين دعوة:** مسجد اداله تمڤت مڠاداكن مَوْعِظَة دان ڤڠاجين هارين، ميڠݢوان دان جرامه بركلا. جوسترو، أكتيۏيتي ڤڠاجين علمو أݢام ماهوڤون علمو-علمو يڠ لاٴينڽ اداله داداكن دمسجد-مسجد سوڤاي اي سمڤاي كڤد مشاركت عموم دڠن بايك. مسجد ايت مدرسة علمو دان دعوة سرت سباݢي تمڤت ملاتيه ڤمبنتوقكن أخلاق يڠ مليا. مسجد اداله أومڤام تامن شرݢ سباݢيمان سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم يڠ مقصودڽ: **اڤبيل كامو ملالوٴي (برتمو) دڠن تامن-تامن شرݢ (دأتس موك بومي اين)، مك هندقله كامو برهنتي اونتوق منعمتي (حاصيلڽ). لالو صحابة ڤون برتاڽ: اڤكه دي تامن-تامن شرݢ ترسبوت؟ رسول الله برسبدا: مجليس-مجليس علمو.{حديث رواية الترمذي}**

**كتيݢ: سباݢي ڤوست كسجهترأن مشاركت:** مسجد جوك منجادي ڤوست خدمت مشاركت. مسجد جوك برڤرانن سباݢاي تمڤت اونتوق مڠإيرتكن هوبوڠن صلة الرحيم انتارا أهل كومونيتي. دالم ماس يڠ سام مسجد جوك بوليه ترليبت دالم ڤمباڠونن سوسيال دان إيكونومي مشاركت. اين ترماسوق ميدياكن كموداهن اونتوق لاتيهن كماهيرن، ڤوست سوكوڠن مينتل، دان أكتيۏيتي يڠ داڤت ممڤركاسكن كهيدوڤن مشاركت سچارا كسلوروهن. دڠن سموا فوڠسي اين، مسجد بوكن سهاج برڤرانن سباݢاي تمڤت عباده، تتاڤي جوك سباݢاي ڤوست كسجهترأن سوسيال يڠ ممبنتو منيڠكتكن كسجهترأن مينتل، فيزيكل، دان سڤيريتوال مشاركت.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسواي مسجد اداله مروڤاكن تمڤت سوچي باݢي أومت إسلام، مك اي هندقله جوك دجاݢ دان دڤليهارا اݢر ترهيندر دري سݢالا ككوتورن دان سباݢيڽ. كبرسيهن مسجد اين اداله تڠݢوڠجواب سموا ترماسوق سياڤ سهاج يڠ مڠݢوناكن اتاو مماسوقي مسجد. ممليهارا كبرسيهن مسجد تيدق ترحد كڤد باڠونن سهاج بهكن واجب ممليهارا كسلوروهن مسجد ترماسوق لوار دان دالم مسجد، حَرِيمْ اتاو كاواسن مسجد، منارا مسجد، تندس مسجد دان سباݢاين.

بتاڤ ڤنتيڠڽ منجاݢ كبرسيهن مسجد اين، سهيڠݢ رسول الله صلى الله عليه وسلم ددالم سبواه حديث يڠ درواياتكن اوليه إمام بخاري دان إمام مسلم يڠ مڠخبركن بهوا رسول الله صلى الله عليه وسلم اڤبيل ترڽمڤق كوتوران دمسجد، بݢيندا سنديري تڠن برلڠه اكن ممبرسيهكنڽ. بهكن دالم حديث يڠ لاٴين رواية أبو داود، ترمذي، إبن ماجة دان أحمد، بݢيندا ممرينتهكن سوڤاي دبرسيهكن دان دبري هاروم-هارومن.

ماري سودارا-سودارا جماعة يڠ درحمتي الله، كيت حياتي ساتو ڤيصة سأورڠ وانيتا برنام أُمُّ مِحْجَنْ رضي الله عنها، وانيتا بركوليت هيتم يڠ هيدوڤ دزمان نبي محمد صلى الله عليه وسلم يڠ سچارا سوكا ريلا برخدمت ممليهارا كبرسيهن مسجد نَبَوي دمدينة. بلياو ساڠت راجين مياڤو دان ممبرسيهكن مسجد نَبَوي ڤد ستياڤ هاري. دأوسياڽ يڠ سوده توا، بلياو تتڤ إستقامه ملاكوكن ڤكرجأن يڠ منداتڠكن منفعة اونتوق اورڠ لاٴين.

ڤد سواتو مالم، وانيتا ترسبوت تله منيڠݢل دنيا كران ساكيت. ببراڤ هاري كمودين رسول الله صلى الله عليه وسلم برتاڽ كڤد ڤارا صحابة كمانكه وانيتا ترسبوت. لالو دجواب، بهاوا وانيتا ايت تله منيڠݢل دنيا. أليڠكه تركجوتڽ بݢيندا كران تيدق دخبركن لبيه أول تنتڠ كماتينڽ دان منݢور ڤارا صحابة كران مريك سأوله-أوله تيدق ممندڠ تيڠݢي كدودوقن وانيتا إيت سهيڠݢ مريك مڠاڠݢڤ كماتينڽ تيدق ڤرلو دخبركن كڤد بݢيندا سچارا سݢرا.

رسول الله صلى الله عليه وسلم ڤون ممينتا تونجوقكن تمڤت وانيتا ايت دقبوركن كمودين بݢيندا ملاكوكن سمبهيڠ جنازه دسيتو. ليهت سودارا، بتاڤ برأونتوڠڽ أُمُّ مِحْجَنْ رضي الله عنها اين سهيڠݢاكن رسول الله صلى الله عليه وسلم ڤرݢي كقبورڽ اونتوق ميمبهيڠكن سباݢاي ڤڠحرمتن دان ڤڠهرݢأن أتس خدمتڽ منجاݢ كبرسيهن مسجد. برأونتوڠڽ أُمُّ مِحْجَنْ رضي الله عنها كران سمبهيڠ رسول الله صلى الله عليه وسلم اونتوق جنازهڽ مروڤاكن رحمة دان چهيا دقبورڽ. مك جك خدمت ممليهارا كبرسيهن مسجد اين ڤون بوكن چالڠ-چالڠ خدمت، مك بتاڤ لاݢي سودارا-سودارا سكالين، خدمت- خدمت، سومباڠن-سومباڠن دان كباجيقن-كباجيقن لاٴين يڠ دهولوركن سهيڠݢ تربيناڽ مسجد سرت ترسدياڽ سݢل كموداهن اونتوق منفعة دان كسليسأن ڤڠونجوڠ دان ڤارا جماعه.

جماعه يڠ درحمتي الله،

مليهت بتاڤ بسرڽ ݢنجرن باݢي كيت يڠ منجاݢ، مڠحرمتي دان ممولياكن مسجد، مك اداله تيدق منجادي كروݢين اونتوق مڠلواركن اتاو مڠإنفقكن والاو سديكيت دري هرتا كيت اونتوق ڤمبينأن مسجد. يقينله، بهاوا ستياڤ هرتا يڠ دبريكن دجالن الله سبحانه وتعالى ايت اكن برأوليه ڤهلا دان ݢنجرن درڤد الله سبحانه وتعالى.

الحمدلله، كراجأن كباوه دولي يڠ مها مليا ڤدوك سري بݢيندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نݢارا بروني دارالسلام تله منوبوهكن تابوڠ دانا ڤمبينأن مسجد نݢارا بروني دارالسلام. اين ترماسوقله جوك ڤرخدمتن ڤسانن ريڠكس (SMS) تابوڠ دانا باݢي ڤمبينأن مسجد نݢارا بروني دارالسلام يڠ تله دبوكاكن كڤد اورڠ راماي مولاٴي ٢٧ فيبرواري ٢٠٢٤ يڠ لالو هيڠݢ ٢٦ دسيمبر ٢٠٢٤.

ڤرخدمتن ڤسانن ريڠكس (SMS) اين ممبري ڤلواڠ كڤد اورڠ رامي خصوصڽ أومت إسلام دنݢارا اين باݢي مڠإنفقكن دان ممبلنجاكن سباهاݢين هرتا دڠن نية سباݢي عباده دان مليڤتݢنداكن عمل كباجيكن سمات-مات باݢي مراٴيه ݢنجرن ڤهلا يڠ دجنجيكن اوليه الله سبحانه وتعالى. سلاٴين ايت، واڠ توني جوك بوليه دسرهكن كڤد أوروس ستيا تابوڠ دانا ڤمبينأن مسجد نݢارا بروني دارالسلام دجابتن حال إحوال مسجد دان ترنسكسي ملالوٴي بيڠݢ جوك بوليه دبوات سچارا **ONLINE** اتاو **WALK IN**.

أخيرڽ، موده-مودهن سݢالا يڠ كيت صدقهكن دان إنفقكن دڠن تولوس إخلاص دتريما اوليه الله سبحانه وتعالى دان موده-مودهن دڠن يڠ دمكين كيت اكن منداڤت كريضأن، كبركتن دان رحمة يڠ برڤنجڠن درڤد الله سبحانه وتعالى. آمين يا رَبَّ العالمين.

**ڤرأومڤامأن اورڠ-اورڠ يڠ ممبلنجاكن هرتا مريك ڤد جالن الله سامله سڤرتي (منانم) سبيجي بنيه يڠ منومبوهكن توجوه تڠكي، تياڤ-تياڤ ساتو تڠكي ڤولا مڠاندوڠي سراتوس بيجي. دان الله اكن مڠݢنداكن ڤهلا باݢي سسياڤ يڠ دكهندقين. دان الله مها لواس (رحمة دان ليمڤه كورنياڽ) لاݢي مها مڠتهوي. { سورة البقرة أية: ٢٦١ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# دعاء مموهن کڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا۠ عَبْدُكَ،
وَأَنَا۠ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَايَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
ٱلْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَائِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ٢٥٥

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَاۚ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاٴن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساٴت بسر
## كڤد ڤڠعملث ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

## JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
## KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Perkhidmatan Mengganti Gasket dan Silicon Bagi Atap Kaca, Tingkat 4, Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**Rujukan Tawaran:**
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q / 2024-31

**Tarikh Tutup Tawaran**:
Selasa,
24 Disember 2024.
Jam 2.00
Petang.

**Perkhidmatan Membaikpulih Raised Floor Di Unit Pengurusan ICT, Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi**

**Rujukan Tawaran:**
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q / 2024-30

**Tarikh Tutup Tawaran**:
Selasa,
24 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN DAERAH TUTONG
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
JDT / KPD / 19 / 2024-2025

**Tajuk Tawaran:**
General Repairworks to Male and Female Toilet at Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**
JDT / KPD / 20 / 2024-2025

**Tajuk Tawaran:**
Repainting Works for The Mercu Tanda Kenangan Monument located in front of the Tutong District Office

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran**:
Isnin,
6 Januari 2025.
Jam 2.00
Petang.

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / LB / TA / 011
Pembelian Kamera Digital Lengkap Berserta Aksesori Bagi Kegunaan Unit-Unit Tentera Darat Diraja Brunei

**Yuran Tawaran**:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
**Selasa,**
**7 Januari 2025.**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / LB / TA / 025
Pembelian Alat Kelengkapan Urban Warfare Bagi Kegunaan Kompeni Motorise Combine Arms Batalion (CABn)

**Yuran Tawaran:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
**Selasa,**
**7 Januari 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran** :
Selasa
14 Januari 2025
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PERIKANAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Pemberitahuan Tawaran**

Tawaran Bagi;
**Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of Class 'B' Automatic Identification System (AIS) Transponder for Local Commercial Fishing Vessel of Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran :**
JPi / 10 / 2024

**Tarikh Tutup:**
14 Januari 2025.

**Jam Tutup:**
2.00 Petang.

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0044 / 2024

**Tajuk Sebut Harga:**
Melaksanakan Kerja-Kerja Renovasi Bilik Peralatan Menyelam

**Tarikh Tutup Tawaran**:
Khamis,
26 Disember 2024.
Jam 2.00
Petang.

## JABATAN PERDANA MENTERI

**Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
JPP / 1 / 3 / 16 / 6 / 24-25
Quotation For Supply And Delivery Visitor Office Chairs' For Management Service Department (MSD), Prime Minister's Office, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan

**Yuran Sebut Harga (Termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Buka Tawaran:**
Isnin,
9 Disember 2024.

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
26 Disember 2024.
Jam 2.00
Petang.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Tawaran dibukakan kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar bagi mengikuti Tawaran Projek Kerajaan Negara Brunei Darussalam di dalam kelas III, IV & V serta mempunyai kategori kerja dalam perkhidmatan dan kepakaran dalam Perkhidmatan Pembersihan.

**Bilangan Tawaran:**
MFA / ICC / 07 / 2024

**Tajuk Tawaran:**
Janitorial Services For International Convention Centre, Berakas, Ministry of Foreign Affairs for A Period of Three (3) Years

**Kategori:**
S02

**Bayaran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Bayaran Dokumen:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
7 Januari 2025.
Jam 2.00
Petang.

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**DA / JKSH / 136 / 2024 / 2025**
**[BPPA-DIS-2024]**
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :
1.Sekolah Rendah Berakas Garrison
2.Sekolah Rendah Pantai Berakas
Kementerian Pendidikan.
Daerah Brunei Muara.
Kod Blok :
SM/08
Bagi Tempoh
Empat (4) Bulan

**DA / JKSH / 137 / 2024 / 2025**
**[BPPA-DIS-2024]**
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum bagi :
1.Sekolah Rendah Bebuloh
2.Sekolah Rendah Kasat
3.Sekolah Rendah Putat
4.Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol
5.Sekolah Rendah Tanjong Kindana
Kementerian Pendidikan.
Daerah Brunei Muara.
Kod Blok :
SM/27
Bagi Tempoh
Empat (4) Bulan

**DA / JKSH / 138 / 2024 / 2025**
**[BPPA-DIS-2024]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan-Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) Bagi Program Harapan :
Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol
Kementerian Pendidikan.
Daerah Brunei Muara.
Kod Blok :
PH/T2
Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun

**DA / JKSH / 139 / 2024 / 2025**
**[BPPA-DIS-2024]**
Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Keperluan-Keperluan Pemakanan (Makan Tengah Hari) Bagi Program Harapan :
Sekolah Rendah Merangking
Kementerian Pendidikan.
Daerah Brunei Belait.
Kod Blok :
PH/T3
Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu :**
Sabtu,
21 Disember 2024.
Jam 9.00 Pagi.

## JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Pemberitahuan Tawaran Ruang Kedai Kosong Kepada Pengusaha-Pengusaha Di Bangunan Kompleks Perniagaan Bumiputra, Kompleks Utama Bumiputera Dan Bangunan Pasar, Pekan Bangar Temburong.**

**Kompleks Perniagaan Bumiputra**

**No. Ruang Kedai :**
No. B-1 Tingkat Satu

**Keluasan:**
42m²

**Sewa Bulanan:**
BND100.00

**No. Ruang Kedai :**
No. C3, No. C5 Dan No.C7

**Keluasan:**
57m²

**Sewa Bulanan:**
BND80.00

**Kompleks Utama Bumiputera**

**No. Ruang Kedai:**
No. B1-1 dan No. B1-11 Tingkat Satu

**Keluasan:**
14.25m²

**Sewa Bulanan:**
BND30.00

**No. Ruang Kedai:**
No. A2 Tingkat Bawah

**Keluasan:**
36m²

**Sewa Bulanan:**
BND150.00

**No. Ruang Kedai:**
No. B1-2, No. B1-3, No. B1-4, B1-5, No.B1-6 dan No. B1-10 Tingkat Satu

**Keluasan:**
7.5m²

**Sewa Bulanan:**
BND30.00

**No. Ruang Kedai:**
No. B1-12 dan No. B1-15 Tingkat Satu

**Keluasan:**
15m²

**Sewa Bulanan:**
BND40.00

**No. Ruang Kedai:**
No. B1-16 Tingkat Satu

**Keluasan:**
12.5m²

**Sewa Bulanan:**
BND40.00

**No. Ruang Kedai:**
No. C1-1, C1-2, C1-4 dan C1-7 Tingkat Satu

**Keluasan:**
18.9m²

**Sewa Bulanan:**
BND70.00

**Bangunan Pasar**

**No. Bangku**:
No. 2 Tingkat Bawah

**Sewa Tahunan:**
BND180.00

**No. Bangku:**
No. 8 Gerai Makan Minum, Tingkat Atas

**Sewa Tahunan**:
BND300.00

**No. Bangku :**
No. 10 Tingkat Bawah

**Sewa Tahunan:**
BND180.00

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Keterangan Projek:**
Supply and Delivery of Roller Shutter Lock, Door Slide Latch Bolt and Cut Out Fuse for Bengkel Jabatan Bandaran Kuala Belait, Jabatan Bandaran Kuala Belait and Seria

**Bilangan Tawaran:**
14 / BBS / SDSLFJBKBS / 2024-2025

**Keterangan Projek:**
Supply New Tyre and Tubeless Valve, and Tyre Maintenance for Ford Everest BG929 Jabatan Bandaran Kuala Belait and Seria

**Bilangan Tawaran:**
15 / BBS / SNTTMJBKBS / 2024-2025

**Yuran Tawaran :**
BND5.00
(Non-Refundable)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
24 Disember 2024.
Jam 2.00
Petang.

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar di dalam**

**Kelas :**
V & VI sahaja

**Kategori :**
KA01 (Contract with asphalt plant only) / KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :**
4 Disember 2024.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
17 Disember 2024.
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
24 Disember 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / SRM 35 / 2024

**Nama Projek:**
Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan Tutong (Di Antara Persimpangan Telanai Dan Persimpangan Bengkurong Masin)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / SRM 36 / 2024

**Nama Projek:**
Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan JAME 'ASR

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga:**
09 / KKBS / HK41-2025

**Tajuk Sebut Harga**:
Transportation and Installation Services for Television in Conjunction with 41st Brunei Darussalam National Day Celebration, 2025

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
19 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Tawaran:**
(156) JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**
Repair Works for Control Panel of Sewerage and Submersible Pump at National Swimming Pool, HBNSC

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
26 Disember 2024.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
71 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024
The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing, and Maintenance of the Ministry of Religious Affairs SMS System Upgrade

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
18 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.


# PERATURAN PENGIKLANAN
## (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

# PESTA MAKAN TAHUN TUTUP TIRAI

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Brunei dan Muara





TIMBALAN Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Pesta Makan Tahun di Pantai Siandang, Kampung Jerudong (atas kiri), manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, antara pengisian aktiviti Pesta Makan Tahun berkenaan.

**JERUDONG**, Ahad, 8 Disember. - Pesta Makan Tahun kali pertama yang diadakan selama tiga hari bermula 6 Disember di Pantai Siandang, Kampung Jerudong menutup tirainya hari ini dengan pelbagai aktiviti menarik.

Antara pengisian aktiviti termasuklah pameran barang kelengkapan seharian yang sering digunakan oleh Puak Kedayan, Pameran Mengelupis, Mendadih, Menjalin Kelupis, Makanan Sumboi-Sumboi dan Dalamu di samping Pertunjukan Bermain Gasing dan Perlawanan Tarik Kalat. Selain itu, acara tersebut juga diserikan lagi dengan Persembahan Pencak Silat dan Persembahan Aduk-Aduk.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail.

Acara yang julung kalinya diadakan ini merupakan anjuran oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'A', MPK Jerudong 'B' dan Persatuan Warisan Kedayan Jerudong dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM). Pesta Makan Tahun berkenaan juga termasuk di dalam kalendar acara Brunei December Festival (BDF).

Dengan adanya acara seumpama ini, orang ramai berpeluang untuk mempelajari warisan adat budaya dan tradisi yang diwarisi sejak dahulu lagi dan menghargai nilai-nilai adat budaya yang diwariskan.



# Amalkan zikir dalam kehidupan seharian

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Ahad, 8 Disember. - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) baru-baru ini menganjurkan Majlis Membaca Ratib Al-Attas serta Membaca dan Menghafal Asmaul Husna di Ibu Pejabat BASMIDA, Kampung Anggerek Desa.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua BASMIDA, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Dalam ucapan alu-aluan, Datin Dayang Hajah Masni antara lain menjelaskan mengenai tujuan majlis tersebut diadakan iaitu bagi menggalakkan amalan zikir dalam kehidupan seharian hli-ahli BASMIDA.

Beliau menzahirkan harapan agar amalan tersebut akan menambahkan lagi cahaya keimanan serta para peserta akan memperoleh berkat dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan bacaan Ratib Al-Attas yang dipimpin oleh Dayang Hajah Asmah binti Haji Paidin.

Majlis disusuli dengan bacaan Asmaul Husna yang diketuai oleh Dayang Hajah Norbayun binti Haji Salleh dan diikuti dengan bacaan Doa Selamat oleh Dayang Hajah Asmah.




PERSATUAN Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) baru-baru ini menganjurkan Majlis Membaca Ratib Al-Attas serta Membaca dan Menghafal Asmaul Husna.

## HALUAN

>> Muka 2

Selain daripada membuat saringan kesihatan, saya juga menyeru agar kaum lelaki di negara ini agar dapat memaksimumkan penjagaan kesihatan masing-masing dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat, melakukan aktiviti fizikal, bersenam dan bersukan, mendapatkan maklumat-maklumat tentang pencegahan penyakit dengan lebih aktif terutama sekali daripada segi pencegahan kanser-kanser lelaki, menjaga kesihatan mental dan membudayakan ciri-ciri positif sebagai seorang lelaki, suami, ayah, anak, adik atau abang dalam kalangan keluarga dan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, mana-mana aktiviti serta inisiatif yang menggalakkan kaum lelaki untuk mengambil tindakan awal serta memberikan sokongan padu kepada kesihatan lelaki seperti Kempen Movember ini, adalah sangat diperlukan dan orang awam, lebih-lebih lagi kaum lelaki, hendaklah ikut serta dan melibatkan diri bagi sama-sama kita mencegah kanser dan meningkatkan penjagaan kesihatan secara amnya.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini dan sempena Sambutan Bulan Kesedaran Kesihatan Lelaki 2024 ini, saya sekali lagi ingin menyeru kepada orang ramai khususnya kaum lelaki untuk bertindak sekarang demi kesihatan di masa hadapan. Bagi masyarakat awam pula, marilah kita sama-sama membantu dan memberi sokongan kepada suami, ayah, anak, adik atau abang untuk tidak leka dalam menjaga kesihatan diri, baik daripada segi fizikal mahupun mental dalam sama-sama membentuk masyarakat yang selamat dan membina untuk kaum lelaki.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur kerana telah menjemput saya pada pagi ini dalam mengetengahkan kepentingan kesihatan lelaki dan sama-sama memberikan sokongan padu kepada inisiatif ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah*, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

# IMBASAN MINGGUAN



BARISAN orang ramai yang turut menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di Masjid Baharu Kampung Junjongan. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

PUSAT Perkembangan Kanak-kanak (Child Development Centre - CDC) salah sebuah jabatan di bawah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan semasa mengungkayahkan jerayawara kedua berlangsung di Tingkat 1, OneCity Shopping Complex sempena Sambutan Ulang Tahun CDC Ke-25. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.





ANTARA yang menyertai Pesta Pantai Muara 2024 selama tiga hari bermula 6 Disember 2024 hingga 8 Disember 2024, bertempat di Taman Rekreasi Pantai Muara. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

SEKITAR aksi perlawanan di antara Kampung Buangkok FC dengan Shah United pada Brunei Elite Futsal League 2024 / 25. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.






SEBAHAGIAN lakonan semasa Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2024 anjuran Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) dan National Theatre Festival Brunei (NTFB) yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.

# 63 PELAJAR TERIMA SUMBANGAN KEMBALI KE SEKOLAH

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 8 Disember. - Seramai 63 pelajar terdiri daripada golongan asnaf, mualaf dan keluarga yang kurang berkemampuan menerima sumbangan dari Makan Ceria Sdn. Bhd. dan Abdul Razak Holdings yang berlangsung di Dewan Riadah Pusat Belia.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Majlis Penyerahan Sumbangan Kembali ke Sekolah ini merupakan anjuran Projek Bina Bakti dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) Pusat Da'wah Islamiah (PDI), KHEU.

Sumbangan ini bertujuan untuk meringankan beban para penerima dan memberikan mereka semangat untuk menjalani sesi persekolahan 2025. Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Penolong Pengarah PDI dan Ahli-ahli Penasihat Projek Bina Bakti.




**PEMANGKU Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit hadir selaku tetamu kehormat menyerahkan sumbangan kepada penerima.**

## Perhimpunan kenal pasti cabaran penyertaan wanita dalam keamanan

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Research Team





**SEKITAR Acara Women in Peace Processes : National Roundtable Discussion yang diadakan di Dewan An-Naura baru-baru ini (atas), manakala gambar kanan, sesi bergambar ramai pada perhimpunan berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 8 Disember. - Lebih 40 peserta dialu-alukan pada Acara Women in Peace Processes : National Roundtable Discussion yang diadakan di Dewan An-Naura baru-baru ini.

Acara ini merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan di bawah Program Proses Keamanan Wanita, The ASEAN Institute for Peace and Reconciliation (ASEAN-IPR) yang memberikan tumpuan kepada sumbangan wanita kepada usaha proses damai di ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perhimpunan itu bertujuan untuk memupuk kerjasama antara sektor kerajaan dan bukan kerajaan yang diwakili oleh peserta bagi Perbincangan Meja Bulat Kebangsaan termasuk pegawai kerajaan, penggubal dasar, penyelidik dan wakil masyarakat sivil.

Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada The lead Researcher of The Brunei Research Team, Dayang Siti Zaimah binti Roslan yang menekankan kepentingan memupuk perbincangan inklusif untuk mengenal pasti cabaran dan penyelesaian yang berkaitan dengan penyertaan wanita dalam usaha keamanan.

Head of the Judge Advocate General's Office di Kementerian Pertahanan, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini turut hadir mengetengahkan penjajaran inisiatif ini dengan objektif negara.

Perbincangan Meja Bulat menyelidiki tema utama seperti mengenal pasti pemacu untuk peningkatan penyertaan wanita dalam proses damai dan meneroka amalan terbaik.

Para peserta juga mengetengahkan pelbagai isu termasuk stigma budaya, sokongan institusi yang terhad dan keperluan untuk pendidikan awal untuk mencabar kecenderungan gender.

Ini termasuk cadangan dasar dalam pengenalan langkah-langkah responsif gender, penubuhan ruang selamat dan mewujudkan rangka kerja untuk menyokong wanita dalam peranan kepimpinan dan advokasi.

Selain itu, perbincangan juga menyentuh tentang peralihan generasi dalam sikap terhadap peranan gender. Dayang Nadia Aji dari Global Shapers Community Bandar Seri Begawan Hub (GSCBSB) menyatakan bahawa pemikiran generasi memainkan peranan sementara generasi muda lebih terbuka, perubahan sistemik memerlukan penglibatan semua demografi.

Cadangan praktikal muncul daripada dialog itu, termasuk penubuhan talian *hotline* advokasi wanita dan program bimbingan.

Sementara itu, Dayang Atiqah Jamahari dari Persatuan Society of Community Outreach and Training (SCOT) menonjolkan nilai inisiatif akar umbi, dalam Projek Dapur Sosial untuk memperkasakan ibu tunggal dengan menyediakan kemahiran dan sumber untuk memulakan perniagaan mereka sendiri dan memupuk kedua-dua kebebasan ekonomi serta keyakinan.

Bukan itu sahaja, para peserta juga merujuk amalan terbaik serantau seperti kemasukan kesaksamaan jantina Malaysia dalam dasar negara dan hab pengetahuan Filipina untuk wanita, sebagai model yang berpotensi untuk dicontohi NBD.

Acara itu diakhiri dengan konsensus mengenai keperluan untuk strategi jangka panjang untuk menangani halangan kepada penyertaan wanita dalam pembinaan keamanan.

Hasil daripada Perbincangan Meja Bulat itu dijangka akan memaklumkan inisiatif masa depan di NBD dan menyumbang kepada usaha serantau yang lebih luas di bawah agenda the ASEAN Women, Peace and Security (WPS).



# 20 MUSLIMAH IKUTI KELAS KEMAHIRAN MEMBUAT ROTI

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid**



**ANTARA tujuan Muslimah Masjid mengikuti kelas ini adalah untuk memberikan pendedahan asas kepada para peserta khususnya mengenai kemahiran membuat roti yang kurang dipraktikkan pada masa sekarang.**

**TANAH JAMBU**, Ahad, 8 Disember. - Seramai 20 orang Muslimah Masjid dari Daerah Brunei Muara (DBM) mengikuti Kelas Kemahiran Membuat Roti yang berlangsung di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), hari ini.

Kelas tersebut diungkayahkan oleh Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama PPB, KKBS. Turut menyertai kelas tersebut ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, JHEM, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Antara tujuan Muslimah Masjid mengikuti kelas ini adalah untuk memberikan pendedahan asas kepada para peserta khususnya mengenai kemahiran membuat roti yang kurang dipraktikkan pada masa sekarang.

Di samping untuk melahirkan individu yang berdaya tahan, kelas ini juga dihasrat membolehkan mereka dapat menjana pendapatan, pekerjaan mahupun berkecimpung dalam perniagaan secara mandiri.

Dengan adanya kelas seumpama ini akan dapat memberikan kemahiran asas kepada para Muslimah Masjid dan komuniti serta dapat memberi nilai tambah kepada kemahiran khususnya kepada golongan sasaran kelas ini.




# Operasi Siaga dapati 5 kesalahan dilakukan majikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Disember. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh mengendalikan Operasi Siaga 271 / 2024 baru-baru ini bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.



**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 271 / 2024 (atas dan kanan).**

Pemeriksaan yang telah dijalankan bagi kegiatan menjual barang-barang elektrik di kawasan Kampung Lambak mendapati sebanyak lima kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan kepada pekerja-pekerja tempatan dan asing.

Antara kesalahan tersebut iaitu Bab 112(2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing (LPA), pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan buruh am melakukan pekerjaan sebagai teknisyen dan perkeranian; Bab 71, majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja; Bab 65, pekerja bekerja melebihi jam yang ditetapkan; Bab 63, majikan tidak memberikan cuti rehat dan Bab 39(2), majikan tidak membayar kerja lebih masa.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti mematuhi syarat-syarat LPA iaitu pekerja-pekerja hendaklah melakukan pekerjaan selaras dengan jawatan yang dibenarkan, memberikan cuti tahunan berbayar, hendaklah memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu dan membayar bayaran kerja lebih masa.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).





PELITA BRUNEI




# Dayang Zara Laila Cheong tingkatkan kepakaran dalam bidang keselamatan siber

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Ihsan Zara Laila Cheong**

BELIA merupakan tonggak negara yang penting dalam menjadikan sesebuah negara maju dan berjaya. Salah satu wawasan negara iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya adalah suatu yang kita sebagai rakyat harus sahut dan merealisasikannya. Ini juga merangkumi bidang seperti ilmu teknologi dan pada masa yang sama, keselamatan juga haruslah diambil kira, terutama sekali dalam era yang serba canggih.

Ilmu siber adalah salah satu ilmu yang dapat melindungi rakyat daripada pelbagai peringkat umur dan golongan. Ia juga menyahut dalam merealisasikan wawasan yang kedua, iaitu mempertahankan kedaulatan dan kestabilan di mana kita haruslah berusaha menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai salah satu negara yang paling selamat di dunia.

Bercita-cita tinggi melindungi orang ramai daripada pelbagai peringkat umur dan golongan, Dayang Zara Laila Cheong, belia lingkungan usia 30 tahun merupakan seorang pegawai keselamatan di dalam Perkhidmatan Keselamatan Perlindungan Teknologi Maklumat (ITPSS) dan Keselamatan Siber Brunei (Cyber Security Brunei - CSB).

Khidmat beliau adalah untuk memberi tumpuan dalam menerokai potensi penyelidikan serta penyelesaian keselamatan agar menjadi lebih inovatif, termasuk teknologi rangkaian blok (*blockchain*). Penglibatan beliau juga didorong oleh minat yang mendalam dalam memajukan landskap keselamatan siber dan memupuk inovasi dalam penyelesaian keselamatan digital.

Di samping berperanan sebagai pegawai keselamatan, beliau juga merupakan seorang pembantu pengajar bahagian forensik digital dan sedang melanjutkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang keselamatan siber dan forensik di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

"Saya percaya bahawa berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam keselamatan siber sebagai seorang pendidik atau mentor adalah sesuatu yang memuaskan," jelas Dayang Zara Laila Cheong.

Selain itu, beliau juga merupakan graduan Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer di Universiti Teknologi Brunei (UTB). Manakala Ijazah Sarjana Muda pula diberikan oleh Universiti Chester (UOC) dan telah dianugerahkan sebagai pelajar terbaik. Dari sini terserlahlah betapa minatnya Dayang Zara Laila Cheong dalam bidang keselamatan siber.

### Inspirasi, dorongan

Minat yang ada dalam diri Dayang Zara Laila Cheong sudah setentunya ada insan selaku pembakar semangat beliau. Pesuruhjaya Interim CSB, Awang Shamsul Bahri yang mana visi beliau dalam merealisasikan visi keselamatan siber untuk NBD merupakan insan yang menjadi contoh dan seterusnya memberi impak kepada Dayang Zara Laila Cheong sekali gus memberi inspirasi kepada beliau di mana setiap keputusan dan langkah yang dibuat akan selalu memberi impak kepada masyarakat. Ini menyebabkan beliau selalu memikirkan keselamatan masyarakat bila menjelaskan tentang keselamatan siber, terutama golongan kanak-kanak dan warga emas yang mudah terjerat dengan penipuan dalam talian.

### Timbul minat

Minat Dayang Zara Laila Cheong dalam keselamatan siber semakin memuncak apabila menerima dorongan dan sokongan daripada profesor beliau untuk menerokai lebih mendalam dalam bidang tersebut tambahan lagi di era teknologi dan keselamatan menjadi salah satu bidang yang semakin maju, menjadikannya memilih untuk memberi tumpuan ke bidang rangkaian blok.

Walaupun pada mulanya ia amatlah mencabar tetapi secara beransur-ansur, Dayang Zara Laila Cheong mula memahami pelbagai ciri keselamatan dan mengenali sebab mengapa potensi gangguan dalam dunia siber dan kesan daripada potensi-potensi gangguan yang ada.

Beliau juga menerangkan di mana rangkaian blok adalah berpotensi untuk diterapkan dalam sistem akademik di NBD untuk menguatkan lagi keaslian dan kredibiliti akademik. Untuk ini, beliau telah pun menerbitkan kertas persidangan yang bertajuk 'Blockchain for the Authentication and Immutability of Academic Credentials Issued in Brunei Darussalam in 2021'. Penerbitan ini telah membuka peluang untuk beliau dalam menyalurkan kemahiran dalam bidang ini di mana syarikat ITPSS telah memberikan kepercayaan kepadanya serta beberapa latihan dan kursus yang berhubung kait dalam bidang keselamatan siber.

### Pencapaian

Sebagai hasil kerja keras dan dedikasi, Dayang Zara Laila Cheong menerima beberapa pengiktirafan dalam bidang keselamatan siber iaitu :-

• Penerima Anugerah ICT Brunei 2023 untuk pembangunan sistem pengurusan identiti digital hak milik sendiri berdasarkan teknologi rangkaian blok *(blockchain technology)*. Penyelesaian itu membolehkan individu berkongsi dan mengawal data peribadi mereka dengan lebih selamat.

• Mewakili NBD untuk Women in Foreign Policy Fellowship : Southeast Asia Edition di Jakarta, Indonesia, di mana beliau mendapat keistimewaan dan dibimbing oleh penggubal dasar terkemuka di seluruh Asia. Ini adalah peluang yang menakjubkan untuk keluar dari zon selesa Dayang Zara Laila Cheong dengan memberi tumpuan kepada aspek teknikal tetapi juga kepada dasar dalam keselamatan siber.

### Cabaran dalam bidang keselamatan siber

Walaupun berkemahiran dalam bidang keselamatan, cabaran pasti berlaku dalam kehidupan seseorang yang bergelar manusia dan cabaran terbesar dalam industri keselamatan siber adalah ancaman siber yang sentiasa berkembang. Penjenayah siber sering kali menggunakan teknologi baharu dan kelemahan yang belum dikenal pasti untuk mengeksploitasi sistem yang boleh mengancam keselamatan individu dan organisasi.

Oleh itu, beliau menekankan pentingnya untuk sentiasa belajar dan menyesuaikan diri kepada cabaran bersifat dinamik untuk memastikan mereka terlindung daripada ancaman baharu dalam dunia siber. Menurut beliau, terdapat pelbagai sumber latihan dalam talian yang membantu profesional keselamatan siber untuk memperluaskan pengetahuan dan bersedia dalam menghadapi ancaman baharu.

### Perancangan masa depan

Mengenai perancangan masa depan, jika diberi peluang dan rezeki daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Dayang Zara Laila Cheong bercita-cita untuk berkhidmat sebagai salah seorang anggota kabinet Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan dedikasi yang tinggi dalam bidang keselamatan siber, Dayang Zara Laila Cheong bukan sahaja menjadi contoh teladan bagi belia di negara ini tetapi juga berperanan penting dalam memajukan landskap keselamatan siber di negara ini.

### Harapan kepada belia Brunei

Dayang Zara Laila Cheong percaya bahawa belia di negara ini memiliki potensi yang luar biasa untuk berjaya. "Belia kita begitu kreatif, berdaya tahan dan berakar umbi dalam nilai-nilai tinggi seperti hormat kepada budaya, masyarakat dan kepercayaan Islam. Saya berharap agar belia menyedari bahawa identiti mereka bukanlah halangan, sebaliknya ia adalah sumber kekuatan yang dapat membantu mereka mencapai kehebatan dalam pelbagai bidang," ujar beliau.

### Pesanan kepada belia Brunei

Dayang Zara Laila Cheong juga turut berpesan kepada para belia agar mereka tidak hanya melihat masa depan sebagai suatu impian, tetapi sebagai peluang untuk berkhidmat dan memberi sumbangan kepada negara.

"Setiap individu mempunyai potensi untuk membawa perubahan, tidak kira betapa kecilnya inisiatif yang dimulakan. Justeru itu, kita semua mempunyai tanggungjawab untuk mencipta masa depan yang lebih cerah untuk NBD," tambah beliau mengakhiri perbualan.



Oleh : Amalina Awang Haji Junggal dengan kerjasama Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan, Pg. Muhammad Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim

# أبو الأسود الدؤلي ڤلوڤور نقط الإعراب ڤد القرءان

بهاس عرب مروڤاكن بهاس راسمي نݢارا٢ عرب دان تله دإعتراف سباݢاي بهاس انتارابڠسا اوليه ڤرتوبوهن بڠسا٢ برساتو ڤد ١٨ ديسيمبر ١٩٧٣م. دڠن ڤڠيعترافن ترسبوت، ١٨ ديسيمبر تله دإيشتيهاركن سباݢاي هاري بهاس عرب دان دراعيكن ستياڤ تاهون. دنݢارا بروني دارالسلام، اوسها اونتوق ممرتبتكن كڤنتيڠن بهاس عرب توروت دأمبيل. سباݢاي اوسها منچاڤاي كأره اين، ٧ بواه سكوله عرب تله دتوبوهكن دسلوروه داءيره. ڤنوبوهن بالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقيه (BKISHHB) جوݢ مروڤاكن انتارا اوسها ڤنتيڠ اونتوق ممرتبتكن بهاس عرب دمان BKISHHB مڽيمڤن دان ممڤاميركن كوليكسي باهن تراوتم مانوسكريڤ يڠ براصل دري نݢارا تيمور تڠه.

أبو الأسود الدؤلي اداله سأورڠ توكوه ڤنتيڠ دالم سجاره علمو بهاس عرب يڠ دكنلي سباݢاي ڤڠاساس علمو نحو. سلاءين منجادي ڤهلاون دري كالڠن تابعين، بلياو مروڤاكن سأورڠ علمون، اهلي حديث، ڤيعير دان ڤمرينته. نام ڤنوه بلياو اداله أبو الأسود ظالم بن عمرو بن سفيان الدؤلي الكناني. دلاهيركن ڤد زمان رسول الله ﷺ نامون، تاريخ تڤت كلاهيرن بلياو تيدق دكتاهوي. ترداڤت سومبر مڽاتاكن بهاوا بلياو لاهير سكيتر ١٦ تاهون سبلوم هجرة. أبو الأسود الدؤلي وفاة كتيك براوسيا ٨٥ تاهون ڤد تاهون ٦٩هـ دبصرة، كتيك برلاكو ڤنولارن وباء طاعون.

أبو الأسود الدؤلي ڤرنه دلانتيق سباݢاي قاضي دان ڤمرينته دبصرة ڤد زمان خليفة سيدنا علي بن أبي طالب رضي الله عنه. بلياو جوݢ توروت ترليبت دالم ڤراڠ الجمال دان ڤراڠ صفين برسام تنترا سيدنا علي بن أبي طالب رضي الله عنه. دسمڤيڠ ايت، أبو الأسود الدؤلي برڤرانن سباݢاي عامل دبصرة يڠ برتڠݢوڠجواب مڠلسايكن ڤلباݢاي كيس بركاءيتن هرتا ڤوساك، ڤنچراين دان انق٢ يتيم.

سباݢاي سأورڠ يڠ ساڠت مڠوتاماكن علمو ڤڠتاهوان، أبو الأسود الدؤلي باڽق بلاجر درڤد سيدنا علي بن أبي طالب رضي الله عنه دالم ڤلباݢاي بيدڠ، انتاراڽ علمو نحو دان قراءات. سلاءين ايت، بلياو جوݢ مروايتكن حديث ڤد بيراڤ اورڠ صحابت بسر، سڤرتي حذيفة بن أسيد الغفاري، سيدنا عمر بن الخطاب رضي الله عنه، سيدنا علي بن أبي طالب رضي الله عنه، أبو ذر الغفاري، عبد الله بن مسعود، الزبير بن العوام، أبو موسى الأشعري، عبد الله بن العباس دان أنس بن مالك. حديث٢ يڠ دروايتكن جوݢ تله دچاتت اوليه علماء بسر سڤرتي إمام البخاري، إمام مسلم دان إمام ابن حنبل.

أبو الأسود الدؤلي دكنلي سباݢاي ڤنچيڤتا دان ڤلقسان علمو نحو، ساتو چابڠ ڤنتيڠ دالم علمو بهاس عرب. سيدنا علي بن أبي طالب رضي الله عنه دأڠݢڤ سباݢاي ڤنچتوس ايديا دسباليق ڤمبنتوقن علمو نحو اين، مانكالا أبو الأسود الدؤلي مميليقي كاركتر يڠ لڠكڤ اونتوق منجادي ڤنچيڤتا علمو ترسبوت. بلياو جوݢ ممڤوڤاءي كبوليهن سمولاجادي دالم بهاس عرب، سرتا ممڤو منوليس تنتڠ كونسيڤ٢ دالم علمو نحو. ابن النديم مڽاتاكن بهاوا بلياو ممڤوڤاءي كاريا٢ توليسن علمو نحو، يڠ انتاراڽ مڠاندوڠي باب تنتڠ الفاعل (سوبجيك) دان المفعول (اوبجيك).

سومبڠن ڤاليڠ بسر أبو الأسود الدؤلي يڠ ككل سهيڠݢ هاري اين اداله ڤرانن دالم ممڤركنلكن تندا تيتيق اتاو نقط الإعراب ڤد مصحف القرءان. ڤد زمان ڤمرينتهن معاوية بن أبي سفيان، راماي اورڠ يڠ بوكن بربڠسا عرب مملوق إسلام، دان مريك مڠهادڤي كسوكرن دالم ممباچ القرءان كران تياد تندا باچاءن (حركة). زياد بن أبي سفيان، ڤمرينته بصرة ڤد وقتو ايت، ممرينتهكن أبو الأسود الدؤلي اونتوق منچيڤتا سيستم ڤنندا باچاءن يڠ داڤت ممبنتو اورڠ راماي ممباچ القرءان دڠن بتول.

أبو الأسود الدؤلي منمبه تندا تيتيق ڤد حروف٢ دالم مصحف مڠݢوناكن دعوات ميره اونتوق ممبيذاكنڽ دڠن توليسن مصحف يڠ بروارنا هيتم. تندا تيتيق اين، يڠ دكنلي سباݢاي نقط الإعراب، برفوڠسي سباݢاي تندا حركة؛ ساتو تيتيق دأتس حروف اونتوق فتحة (باريس اتس)، ساتو تيتيق دباوه حروف اونتوق كسرة (باريس باوه)، ساتو تيتيق دهادڤن حروف اونتوق ضمة (باريس دڤن)، دان دوا تيتيق باݢي تندا تنوين. سيستم اين كمودينڽ دأوبه اوليه الخليل بن أحمد البصري ڤد زمان عباسية، يڠ مڠݢنتيكن تيتيق دڠن بنتوق باريس سڤرتي يڠ دݢوناكن دالم القرءان سكارڠ.

سومبڠن أبو الأسود الدؤلي دالم علمو نحو دان ڤمركاياءن القرءان تله ممبري ايمڤك بسر كڤد ڤركمبڠن بهاس عرب دان ڤمباچاءن القرءان. بلياو منونجوقكن سيكڤ يڠ ساڠت ڤريهاتين ترهادڤ القرءان دان بهاس عرب، يڠ ستروسڽ مڠينسڤيراسي بڠسا عرب اونتوق لبيه مڠوتاماكن علمو ڤڠتاهوان. اوسها بلياو دالم ممڤرمودهكن ڤمباچاءن القرءان تله ممبري منفعة كڤد اومت إسلام سڤنجڠ زمان.

# KAWASAN TERJEJAS BANJIR BERANSUR PULIH

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Ihsan Jabatan Bomba dan Penyelamat

**BELAIT,** Sabtu, 7 Disember. - Laporan Pemantauan Air Banjir di Daerah Belait yang disalurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada Jumaat, 6 Disember 2024 bagi kawasan di Daerah Belait adalah seperti berikut.

Pada sebelah pagi, Jalan Kandul, Mukim Bukit Sawat setakat jam 6.30 pagi, jalan berkenaan dapat dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa mengetahui maklumat keadaan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam.

Jika berlaku sebarang insiden, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan berikan maklumat tepat.



SEKITAR pemantauan air banjir di Daerah Belait.




# Peluang sertai Kempen Derma Darah

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Disember. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah pada Isnin, 9 Disember 2024, bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Tingkat 1, Mid Valley Shopping Centre, Jalan Masjid Salambigar anjuran Arni Zoey Wonderland.

Manakala pada Selasa, 10 Disember 2024, bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Baru, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar.

Sementara pada Khamis, 12 Disember 2024, bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Banquet Hall, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Progresif Sdn. Bhd., Jalan Pasar Baharu, Gadong.

Oleh itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

| TARIKH & MASA PENDAFTARAN | TEMPAT |
|---|---|
| Isnin<br>9 Disember 2024<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang | Tingkat 1, Mid Valley Shopping Centre, Jalan Masjid Salambigar<br>Anjuran Arni Zoey Wonderland |
| Selasa<br>10 Disember 2024<br>9.00 pagi hingga 12.00 tengahari | Dewan Multaqa, Lantai Bawah,<br>Bangunan Baru, Kementerian Hal Ehwal Ugama,<br>Jalan Menteri Besar |
| Khamis<br>12 Disember 2024<br>10.00 pagi hingga 3.00 petang | Banquet Hall, Tingkat 3,<br>Bangunan Ibu Pejabat Progresif Sdn Bhd,<br>Jalan Pasar Baharu, Gadong |

# 2 buruh lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**SERIA,** Sabtu, 7 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon bantuan orang ramai untuk mengesan dua orang buruh dipercayai lari daripada majikan.

Menurut kenyataan dikeluarkan PPDB di sini, laporan telah dibuat di Balai Polis Seria untuk mengesan dua pekerja lelaki warganegara Indonesia iaitu Ari Wijayanto, 36, dengan nombor kad pengenalan, 51-518835 (hijau) dan Zaeni, 43, dengan nombor pasport, E3010392.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat bolehlah menghubungi ke Balai Polis Seria menerusi talian +673 3222612 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.





DUA orang buruh dipercayai lari daripada majikan (kiri dan kanan).




# MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1.**'Merokok Membahayakan Diri, Keluarga dan Negara'.** Tarikh Tutup : **11 Disember 2024**
2.**'Membina Keluargaku Harapanku'.** Tarikh Tutup : **18 Disember 2024**
3.**'Perkenalkan Makanan Tempatan Ke Peringkat Antarabangsa'.** Tarikh Tutup : **25 Disember 2024**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menan
BND7
SETIAP MIN

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda seka

# Kontinjen NBD raih 13 pingat pada Sukan Persahabatan BIMP-EAGA




**SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Ihsan Jabatan Belia dan Sukan**

**BERAKAS,** Sabtu, 7 Disember. - Seramai 53 orang yang terdiri daripada Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urus Setia, Pegawai Perhubungan, Fisioterapi, Pengurus, Jurulatih dan atlet-atlet sukan Akuatik (Renang), Badminton, Karate, Olahraga, Pencak Silat dan Sepak Takraw selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) selepas berada di Puerto Princesa, Republik Filipina bagi mengikuti Kejohanan Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-11.

Berada di Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan selaku menjalankan tugas Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS serta Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Pasukan Pencak Silat berjaya membawa pulang tiga pingat emas dan satu pingat perak melalui Dayang Nur Afifah Shaheqah binti Masli dalam Acara Tunggal Wanita; Awang Muhd. Shafiq bin Sufri, Awangku Muhd. Azhar Nasrullah bin Pengiran Haji Yasrizam Ayub dan Awang Muhammad Hadi Arfan bin Haji Zulkifli bagi Acara Regu Lelaki; Dayang Nursyahindah binti Saiful Rizal, Dayang Nursyahirah Mawaddah binti Lutfi dan Nursyarafana binti Saiful Rizal dalam Acara Regu Wanita dan Awang Mohamad Iskandar bin Mohamad Hasan bagi Acara Tunggal Lelaki.

Manakala atlet sukan Karate pula meraih satu pingat perak dan dua pingat gangsa melalui Acara Pasukan Kata Lelaki terdiri daripada Awang Farhin Idlan bin Mohd. Shamrin, Awang Muhd. Iqbal bin Asnan dan Awang Muhd. Syahmi Zaffran bin Bakar; Dayang Sa'datul Hayat binti Dr. Abdul Nasir dalam Acara Kata Individu Wanita dan Awang Muhd. Bazly Syukry bin Mohd. Yussof bagi Acara Kata Individu Lelaki.

Sementara Pasukan Badminton pula memenangi empat pingat gangsa melalui Awang Muhammad Talipuddin bin Ermadena dalam Acara Single Lelaki; Awang Mohammad Haziq bin Roze dan Awang Muhd. Izzuddin bin Ermadena dalam Acara Double Lelaki; Dayang Nurul Asyiqin Mu'izzah binti Mohd. Suhud dan Dayang Rachel Pong Xue Ting bagi Acara Double Wanita dan Awang Mohammad Hakem Rahimiee bin Bakar dan Dayang Amal Norsyazawanah binti Airwan bagi Acara Mixed Double.

Bagi atlet sukan Olahraga pula telah berjaya meraih satu pingat gangsa melalui Awang Kasyful Asymawi bin Haji Khairul Arifin dalam Acara 800 Meter Lelaki.

Manakala atlet sukan Sepak Takraw pula berjaya meraih satu pingat gangsa melalui Acara Regu Lelaki terdiri daripada Awang Muhammad Asllyi bin Haji Asmali, Awang Muhammad Asyraf bin Abdullah Mohamad Asrul, Awang Mohammad Faiz Fikri bin Haji Lamit, Awang Abdul Raziq Waqiuddin bin Abdul Rahman dan Awang Muhammad Noramirul Alam bin Hassaidi

Jumlah kutipan pingat bagi kontinjen NBD Ke Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-11 edisi tahun ini adalah sebanyak tiga pingat emas, dua pingat perak dan lapan pingat gangsa yang membawa jumlah keseluruhan sebanyak 13 pingat.

# Kongsi kemahiran mengenai motosikal, basikal

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Daerah Temburong**

**TEMBURONG,** Sabtu, 7 Disember. - Bagi memeriahkan suasana di Daerah Temburong sekali gus menarik pengunjung-pengunjung dari dalam dan luar negara, acara kemuncak Program Ke Temburong Bisai Edisi Borneo Bike Gathering akan diadakan selama empat hari bermula 12 hingga 15 Disember 2024 bermula pukul 8.00 pagi bertempat di sekitar Pekan Bangar.

Program tersebut memfokuskan kepada peminat-peminat motosikal dan basikal dari Negara Brunei Darussalam dan kepulauan Borneo termasuk Sabah, Sarawak dan Kalimantan.

Pada edisi kali ini, peminat-peminat tersebut akan berkumpul dan berkongsi kemahiran dan pengalaman mengenai motosikal dan basikal di samping aktiviti yang akan ditawarkan oleh jawatankuasa.

Antara objektif diadakan adalah bagi memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha dari Majlis Perundingan Kampung (MPK) serta pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana khususnya dari Daerah Temburong dan berkongsi pengalaman serta pengetahuan dalam berbasikal dan bermotosikal.

Program ini merupakan anjuran bersama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Temburong, Persatuan Motosikal Temburong dan Temburong Pedallers dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong.




# MASJID RPN KAMPUNG RATAIE JUARA KEJOHANAN SEPAK TAKRAW

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**TEMBURONG**, Ahad, 8 Disember. - Pasukan Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie muncul juara pada Kejohanan Sepak Takraw yang berlangsung petang tadi di Dewan Kemasyarakatan RPN Kampung Rataie, Daerah Temburong, di sini.

Manakala naib juara dan tempat ketiga pula masing-masing disandang oleh Pasukan Masjid Sungai Bunga dan Pasukan Balai Ibadat Sibut 'C'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Balai Ibadat Kampung Sibut, Daerah Temburong dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sibut dan disokong oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid berkenaan antara lain diadakan bagi perpaduan dan kemuafakatan masyarakat serta menyuburkan lagi keakraban dan silaturahim antara AJKT dan jemaah serta para penduduk sekitar Balai Ibadat Kampung Sibut.

Kejohanan ini juga diserikan lagi dengan acara keagamaan di samping aktiviti sukan yang melibatkan semua lapisan umur sempena cuti persekolahan hujung tahun.

Kejohanan Sepak Takraw antara lain dijadikan sebagai salah satu aktiviti tahunan bagi AJKT, jemaah-jemaah, belia-belia, Ahli MPK Sibut, Sumbiling dan Batang Duri, Daerah Temburong sekali gus mengeratkan lagi silaturahim antara penganjur dan peserta khususnya para belia.

Selain itu, ia juga dihasrat untuk memantapkan lagi pentakmiran, budaya ilmu dan pentingnya bersukan dalam masyarakat. Kejohanan ini juga bertujuan bagi menarik minat para belia untuk hadir dan turut serta dalam apa jua program mahupun aktiviti keagamaan bagi mengimarahkan masjid, balai ibadat dan surau di Daerah Temburong.



**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.**




# PROGRAM RIADAH UKHUWAH : MEMPERKUKUH HUBUNGAN SILATURAHIM




**PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku ketua rombongan pada Program Riadah Ukhuwah (Sukan Persaudaraan). Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang menyertai sukan yang diaturkan pada program berkenaan.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**TUTONG**, Sabtu, 7 Disember. - Seramai 150 peserta terdiri daripada mualaf dan bukan beragama Islam yang tinggal di Daerah Tutong hari ini mengikuti Program Riadah Ukhuwah (Sukan Persaudaraan) anjuran Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong dengan kerjasama Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Tutong (PESATU), bertempat di Pantai Seri Kenangan, di sini.

Hadir selaku ketua rombongan pada program berkenaan, Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Program dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dipimpin oleh pegawai daripada Unit Da'wah Daerah Tutong, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada ketua rombongan.

Seterusnya, acara Riadah Ukhuwah dimulakan dengan senamrobik diikuti sukan-sukan yang diaturkan mengikut kategori masing-masing.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh ketua rombongan kepada para pemenang.

Adapun objektif Riadah Ukhuwah berkenaan diadakan adalah selain diharap untuk memupuk rasa persaudaraan, saling menghormati dan memahami pelbagai budaya, ia juga dapat mensyiarkan lagi ugama Islam kepada para mualaf khususnya, dan masyarakat di NBD amnya.

Antara matlamat sukan berkenaan diadakan adalah untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai menangani gejala mental dengan menggalakkan gaya hidup yang sihat.

Selain untuk mendorong semua peserta agar aktif dalam aktviti kecergasan fizikal, ia juga untuk menjalin hubungan yang akrab antara mualaf dan bukan yang beragama Islam dalam masyarakat.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Daerah Tutong dan ahli-ahli rombongan dari PDI dan Unit Da'wah Daerah Tutong.



# DPMM FC tewaskan Rimba Star FC



**SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara DPMM FC menentang Rimba Star FC pada siri perlawanan Liga Super Brunei 2024.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Disember. - DPMM FC berjaya mengekalkan status tanpa kalah meskipun menang tipis 1 - 0 ke atas Rimba Star FC pada siri perlawanan Liga Super Brunei 2024 yang berlangsung malam tadi di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Perlawanan malam tadi menyaksikan, kedua-dua pasukan lebih awal bersaing dengan berhati-hati dan masing-masing berusaha mencari ruang untuk membolosi gawang lawan namun DPMM FC lebih banyak menguasai perlawanan dengan mencipta beberapa peluang jaringan namun sepakan berkenaan jelas tersasar.

Pada babak pertama, penyerang utama DPMM FC, Sergio Mendiguchia Iglesias berjaya membolosi gawang Rimba Star FC dengan menghadiahkan gol tunggal DPMM FC seawal minit ke-11.

Memasuki babak kedua, perlawanan semakin rancak apabila kedua-dua pasukan mula bertindak ganas dengan bertindak berbalas serangan. Namun, kedudukan bertahan 1 - 0 sehingga wisel penamat dibunyikan dan keputusan memihak kepada DPMM FC.

Sebanyak lapan buah pasukan akan berentap esok iaitu Panchor Murai FC menentang Indera FC; AKSE Bersatu FC menentang Lun Bawang FC; KB FC akan menentang Wijaya FC dan Jerudong FC dijangka menentang MS PPDB FC.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LIPAT GANDAKAN AMAL KEBAJIKAN SEMATA-MATA BAGI MERAIH GANJARAN PAHALA YANG DIJANJIKAN OLEH ALLAH